



# پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.41 SUBUH 4.51 SYURUK 6.08 DUHA 6.30 ZUHUR 12.11 ASAR 3.23 MAGHRIB 6.13 ISYAK 7.22 Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 118

30 SEPTEMBER 2024 / 1446

26

MANISNYA IMAN

"WAHAI orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepada kamu : Lapangkanlah tempat duduk di majlis-majlis (untuk orang lain), maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Dan apabila dikatakan : Berdirilah, hendaklah kau berdiri, nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat.  
Dan Allah Maha teliti terhadap apa yang kamu kerjakan".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mujadilah, ayat 11.

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN PERCUMA

## MAJLIS RAMAH MESRA HARGAI KOMANDAN POLIS WANITA

Siaran Akhbar dan Foto :  
Pasukan Polis Diraja Brunei

**GADONG**, Sabtu, 28 September. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Komandan Polis Wanita, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra anjuran Polis Wanita PPDB.

>> Muka 3

**YANG** Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Komandan Polis Wanita, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ketika berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra anjuran Polis Wanita PPDB di Dewan Bankuet Mes, Kompleks Ibu Pejabat Polis Gadong.



Kadar kematian  
disebabkan  
penyakit  
kardiovaskular  
sangat  
membimbangkan

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 29 September. - Penyakit kardiovaskular termasuk penyakit jantung dan strok adalah penyebab utama kematian di seluruh dunia. Menurut Persekutuan Jantung Sedunia (World Heart Federation), penyakit kardiovaskular seperti serangan jantung, strok dan kegagalan jantung menyebabkan lebih daripada 20.5 juta kematian setiap tahun.

Pada tahun 2019 sahaja, dianggarkan sebanyak 17.9 juta orang meninggal dunia akibat kematian pra matang (kematian sebelum umur 70 tahun), yang mana 38 peratus daripadanya adalah disebabkan oleh penyakit kardiovaskular.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan bersempena Sambutan Hari Jantung Sedunia 2024.

>> Muka 7

## JKP luaskan rangkaian dalam Eksopo Pelancongan Jepun 2024

Siaran Akhbar : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

**JEPUN**, Ahad, 29 September. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP) berjaya menamatkan penyertaannya dalam Eksopo Pelancongan Jepun 2024 yang berlangsung dari 26 hingga 29 September di Tokyo Big Sight, Tokyo, Jepun.

Dianjurkan oleh Persatuan Ejen Pelancongan Jepun (Japan Association of Travel Agents - JATA), eksopo tersebut menghimpunkan para peserta daripada lebih 150 negara dan wilayah, menyediakan

platform yang sangat baik untuk rangkaian dan membentuk hubungan perniagaan baru dalam industri pelancongan global.

Sebagai sebahagian daripada usahanya untuk mengukuhkan lagi kerjasama dan membina rakan kongsi baharu, JKP dengan sokongan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) di Tokyo telah mengadakan seminar bagi berkongsi strategi untuk memasarkan tarikan unik NBD ke Jepun.

>> Muka 4

## Doa Kesukuran sempena Hari Perkhidmatan Awam

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 September. - Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-31 diadakan secara serentak di masjid-masjid utama di setiap daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, tumpuannya adalah di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Hadir menyertai majlis berkenaan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Menteri di JPM dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Ke-31, Tahun 2024.

Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

>> Muka 5



## Berita Utama



MUNAJAT Khas serikan Sambutan Hari Guru Ke-34

Muka 3



SEMBAHYANG Sunat Hajat khusus bagi pelajar PIP YSHHB

Muka 8



AKTIVITI bermanfaat imarahkan Sambutan Ke-66 Tahun MOAS

Muka 10



RENCANA

HPA, platform mengiktiraf prestasi cemerlang penjawat awam

Muka 17

# Tindakan konstruktif perlu dalam menjaga kesihatan mental

Bismillahir Rahmanir Rahim,  
Alhamdulillahi Rabbil Alameen,  
Wassalatu Wassalamu Ala Asrafil Ambiya  
Iwal Mursaleen,  
Sayyidina Muhammaddin,  
Wa’ala Aalihee Wasohbihee Ajma’een,  
Assalamu’alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

**M**ENGADAP ke hadapan majlis, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman. Beribu ampun,

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata’ala, atas limpah kurnia-Nya jua dapatlah kita sama-sama hadir di majlis yang penuh berkat ini, iaitu Majlis Ceramah Perdana, sebagai salah satu daripada siri kemuncak Majlis Ilmu 2024.

Abis Hamba Tuanku sukacita merafakkan sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas limpah kurnia perkenan Tuanku berangkat ke Majlis Ceramah Perdana pada pagi ini, yang mencerminkan keprihatinan Tuanku terhadap majlis perhimpunan ilmu yang mendukung tema Majlis Ilmu 2024.

Beribu ampun,  
Majlis Ilmu Tahun 2024 membawa tema ‘Menangani Gejala Mental’, yang memfokuskan kepada pemahaman mengenai isu dan punca gejala mental, termasuk usaha-usaha dan pendekatan senegara, ataupun Whole of Nation Approach dalam menangani gejala mental di Negara Brunei Darussalam.

InsyaaAllah, tema Majlis Ilmu pada tahun ini akan dapat mengukuhkan lagi pelaksanaan Brunei Darussalam Mental Health Action Plan 2022 - 2025, seterusnya mencapai matlamat Sustainable Development Goal Ke-3 (SDG3), ‘Good Health and Well-Being’ di peringkat

global.

Ilmu pengetahuan, kefahaman dan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai gejala mental adalah sangat penting untuk membantu sesebuah negara dalam menangani dan mengekang gejala mental daripada berleluasa. Kesedaran dan penjagaan kesejahteraan mental adalah perlu untuk membolehkan individu menjalani kehidupan sehari-hari yang seimbang, walau apa jua cabaran yang dihadapi. Penguasaan ilmu, termasuk ilmu kerohanian, boleh memperkasa mental agar ia hanya ‘kalis pengaruh’ daripada kesan negatif serta risiko penyakit mental.

Secara amnya, penjagaan kesejahteraan mental yang jitu adalah merupakan asas bagi pembentukan kedaya-tahanan mental dan sahsiah setiap individu. Seterusnya, ia hanya akan dapat menyumbang kepada impak positif terhadap sinergi keharmonian dalam masyarakat, keupayaan membuat keputusan berdasarkan *informed choice* dan melahirkan tenaga-tenaga kerja yang lebih produktif.

Beribu ampun,

Sesuai dengan tema Majlis Ilmu 2024, sesi Ceramah Perdana di pagi yang mulia ini akan membawakan tajuk ‘Pentingnya Kesedaran : Mengutamakan Kesihatan Mental dalam Dunia Moden’.

Antara objektif utama perisian ceramah ini adalah :

- Meneroka isu-isu gejala mental dan mengenal pasti punca-punca utama gangguan mental; dan
- Memperkenalkan kaedah-kaedah pencegahan, rawatan serta pemulihan yang komprehensif, dengan menggabungkan intervensi perubatan dan rawatan kerohanian.

Beribu ampun,  
Ceramah Perdana pada hari ini akan

disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Tarmizi bin Abdul Wahid, Ketua Pegawai Eksekutif, Mizium Private Limited Singapura, yang juga merupakan Presiden bagi Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Singapura (PERGAS).

Beliau memperoleh kelulusan dalam bidang Shariah Islamiah dari Universiti Al-Azhar, Cairo dan berpengalaman dalam menyampaikan ceramah-ceramah serta bengkel-bengkel berkenaan kesihatan mental.

Adalah diharap agar pengisian ceramah ini nanti, akan dapat menghasilkan pengaruh yang positif kepada kesemua yang hadir khususnya bagi kaum wanita, dalam meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai gejala mental. Ini juga diharap akan dapat menggalakkan semua yang hadir, untuk mengambil peranan masing-masing dan melaksanakan tindakan yang konstruktif dalam menjaga kesihatan mental diri sendiri, keluarga, dan masyarakat sekelling.

Beribu ampun,

Demikianlah disembahkan. Sebelum Hamba Tuanku menjunjung anugerah berundur diri, sekali lagi Hamba Tuanku menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Tuanku atas keberangkatan Tuanku ke Majlis Ceramah Perdana ini dan sama-sama mendengar ceramah yang penuh kebaikan nanti. Abis Hamba Tuanku sangat bersyukur dan berbesar hati bahawa majlis ilmiah ini telah mendapat keutamaan Tuanku.

Seterusnya, Hamba Tuanku menjunjung perkenan bagi Hamba Tuanku menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien.

Tidak lupa juga merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menyembahkan sembah alu-aluan pada Majlis Ceramah Perdana Majlis Ilmu Tahun 2024 pada Sabtu, 17 Rabiuulawal 1446 Hijrah bersamaan 21 September 2024 Masih bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

semua ahli jawatankuasa yang telah menyumbangkan tenaga untuk menjayakan Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2024 ini. Semoga ilmu yang dikongsikan dalam persidangan ini akan diberkati dan bermanfaat untuk semua.

Beribu ampun,

Bagi mengakhiri sembah alu-aluan ini, Hamba Tuanku, dengan rendah diri menyembahkan berbanyak-banyak menjunjung ampun jika ada terdapat suruk langkah dalam majlis pada hari ini. Semoga kita berjumpa lagi pada Majlis Ilmu seterusnya, InsyaaAllah.

Sekian, *Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamu ’Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Hamba Tuanku menjunjung anugeraha.

## WAKTU SEMBAHYANG

30 SEPTEMBER 2024

## SIDANG PENGARANG

30 SEPTEMBER 2024

### Jadilah hamba Allah yang bersyukur

**S**YUKUR adalah satu tanda terima kasih atas segala nikmat yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata’ala sepanjang kita hidup di dunia ini.

Sebagai orang Muslim, kita menzahirkan kesyukuran kita dengan mengerjakan ibadah yang dituntut dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata’ala.

Ungkapan ‘Alhamdulillah’ adalah ungkapan yang paling mudah diucapkan dan dengan ungkapan itu kita bersyukur atas limpah kurnia yang telah diberikan.

Bersyukur ini tidak kira bersyukur kerana mendapat rezeki melimpah ruah tetapi bersyukur ini juga dizahirkan kerana diberikan kesihatan yang baik, memiliki keluarga yang sakinhah, mempunyai kawan sekeling yang baik dan sebagainya.

Namun, kita sebagai orang Muslim diajar untuk mensyukuri setiap kelebihan dan kekurangan agar kita dapat meningkatkan keimanan dalam diri dan tidak alpa dengan nikmat yang diberikan.

Zahirkan rasa kesyukuran kita diterjemahkan dengan sentiasa taat dengan segala jua yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata’ala.

Bersyukur dengan meningkatkan ibadah kita kepada Allah Subhanahu Wata’ala sangatlah penting iaitu dengan mengerjakan sembahyang tepat pada waktunya dengan rasa khusyuk dan ikhlas.

Allah Subhanahu Wata’ala juga memerintahkan hambanya untuk bersyukur seperti dalam Surah Nahl, Ayat 114 yang bermaksud, “Bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata”.

Bagi orang-orang yang bersyukur terhadap nikmat yang telah diberikan, nescaya Allah Subhanahu Wata’ala akan menambah kenikmatan kepada mereka, ini juga merupakan salah satu rahsia daripada Al-Quran. Namun, kita perlu tanamkan dalam hati kita bahawa keikhlasan merupakan salah satu cara agar dapat mensyukuri nikmat.

Kita juga sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam sesungguhnya bersyukur dilahirkan di bumi bertuah ini, dengan nikmat keamanan dan kesejahteraan atas kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Oleh itu, jauhilah bersifat kufur kepada nikmat Allah Subhanahu Wata’ala, tidak berasa cukup dan bersifat tamak dalam apa jua nikmat yang telah diberikan.




Jadilah hamba yang sentiasa memanjatkan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata’ala dalam apa jua keadaan sama ada berupa ujian berbentuk kesenangan atau kesusahan. - Ketua Penyuntingan (Kr)

September	MASHTI	HARI	Rabiuulawal	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
30	ISNIN	26	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.13	7.22		
1	OKTOBER	SELASA	27	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21	
2	RABU	28	4.40	4.50	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21		
3	KHAMIS	29	4.40	4.50	6.07	6.30	12.10	3.23	6.11	7.20		
4	JUMAAT	30	4.40	4.50	6.07	6.29	12.10	3.23	6.11	7.20		
5	SABTU	1	Rabiulakhir	4.40	4.50	6.07	6.29	12.10	3.23	6.10	7.19	
6	AHAD	2	4.40	4.50	6.07	6.29	12.09	3.23	6.10	7.19		

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI



ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
Pekan Bangar	 32 °C	 33 °C	 32 °C
Pekan Tutong	 31 °C	 31 °C	 31 °C
Kuala Belait	 32 °C	 32 °C	 31 °C
Wallauhalam Bissawab	 32 °C	 32 °C	 32 °C

Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربینک اوله جاین فراغن، جاین فردن منtri دان چیتیق اوله فرین قلس سندیرین برد، نکارا برونى

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Majlis Ramah Mesra hargai Komandan Polis Wanita



## >> Muka 1

Keberangkatan Yang Teramat Mulia di Dewan Bankuet Mes,

Kompleks Ibu Pejabat Polis Gadong, dijunjung oleh Penolong Pesuruhjaya Polis, Masni binti

Haji Jamil selaku Penasihat Majlis dan Ahli-ahli Jawatankuasa berkenaan.

Majlis Ramah Mesra ini merupakan suatu penghargaan ke hadapan majlis YTM selaku

**Siaran Akbar dan Foto :**  
Pasukan Polis Diraja Brunei

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Komandan Polis Wanita, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dijunjung bagi sesi bergambar ramai ketika berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra anjuran Polis Wanita PPDB.

Komandan Polis Wanita.

Seramai 250 anggota Polis Wanita termasuk pegawai, jemputan-jemputan khas dan anggota pangkat rendah menghadiri majlis tersebut yang terdiri daripada pelbagai jabatan, formasi dan daerah polis seluruh negara.

## MUNAJAT KHAS SERIKAN SAMBUTAN HARI GURU KE-34

**Siaran Akbar dan Foto :** Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 28 September. - Terdapat banyak cara untuk memperoleh keberkatan dan salah satunya ialah memuliakan dan menghormati guru-guru. Ini kerana gelaran guru yang juga dikenali sebagai pendidik sememangnya bukan gelaran biasa-biasa. Allah Subhanahu Wata'ala muliakan mereka.

Perkara ini boleh difahami menerusi janji Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Mujadalah, ayat 11 yang mafhumnya : "Allah mengangkat (darjat) orang-orang yang beriman di antara kamu dan (begitu juga) orang-orang yang diberi ilmu (dengan) beberapa darjat".

Perkara tersebut antara yang dikongsikan di dalam tazkirah bertajuk 'Muliakan dan Hormati Guru-guru Kitani' disampaikan oleh Penolong Ra'es, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk, bagi menyertai lagi Munajat Khas bersempena Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024.

Acara Munajat disertai bersama oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udina Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang

**ACARA** Munajat disertai bersama oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Othman dari Surau Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dari Dewan Utama Kementerian Pendidikan.

Turut serta Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga menyertai, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEU dan Kementerian Pendidikan serta para pegawai kerajaan, guru-guru dan pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah di bawah KHEU dan Kementerian Pendidikan.

Menyemarakkan lagi acara Munajat Khas petang tadi ialah Ketua-ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam di beberapa buah negara yang bersiaran secara maya bersama warga kerja dan para pelajar masing-masing.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Selepas bacaan Sayyidul

Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Pemangku Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Awang Mohd. Ali Sabri bin Haji Yusof dari Musolla ITQSHHB.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Rektor Universiti

Islam Sultan Sharif Ali, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dari Surau UNISSA.

Selesai tazkirah, disusuli dengan laungan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai dipimpin oleh Awang Mohamad Azhar Khusairi bin Mohammad Mushawir, pelajar Tahun 9 bersama guru-guru dan pelajar-pelajar dari surau Sekolah

Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Kampung Mentiri.

Sebelum mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Abdul Muhammin bin Dr. Haji Serbini, dari Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

### PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

#### Kelulusan Pendidikan Tinggi

Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)

#### Kelulusan Pendidikan Menengah

PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding

#### Tamat Persekolahan

bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



### PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

#### Maklumat Peribadi

Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini

#### Maklumat Lesen Memandu

#### Kelulusan Pendidikan Tinggi

Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)

#### Kelulusan Pendidikan Menengah

#### Tamat Persekolahan

(Sijil berhenti Sekolah)



## ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

**BARU**

### PANDUAN PENGALAMAN KERJA

#### Pengalaman Kerja Kerajaan

menandakan ✓ pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul

#### Pengalaman Kerja Swasta

#### Pengalaman Kerja Beruniform

#### Pengalaman Bekerja Sendiri

#### Penempatan Kerja

#### Tidak Bekerja



### PANDUAN KEMAHIRIAN DAN KELAYAKAN PROFESSIONAL

#### Kelayakan Profesional

#### Peperiksaan Kesetiausahaan

#### Kemahiran Bahasa

#### Lain-Lain Kemahiran



### PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

#### Peperiksaan Kerajaan

#### Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)

#### Kursus Induksi Perkhidmatan Awam

#### Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)

#### Program Pembangunan Eksekutif



# LATIHAN PENUH PASTIKAN KELANCARAN SAMBUTAN HPA KE-31



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II; dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengurus-pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Kali Ke-31, Tahun 2024 hadir menyaksikan latihan penuh tersebut (atas), manakala gambar kiri dan bawah kanan, antara yang menyertai latihan berkenaan.

**BERAKAS**, Sabtu, 28 September.

- Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) diraikan untuk menghargai sumbangan dan jasa warga Perkhidmatan Awam (PA) di negara ini.

Sehubungan itu, bagi memastikan kelancaran Majlis Sambutan Kemuncak HPA Kali Ke-31, Tahun 2024, pagi tadi diadakan latihan penuh bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa,

Berakas, di sini.

HPA Ke-31 akan berlangsung pada Isnin, 30 September 2024 dengan membawakan tema 'Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam Pemangkin Kesejahteraan Negara'.

Hadir menyaksikan latihan penuh tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri

Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengurus-pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Kali Ke-31, Tahun 2024.

Turut hadir, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza

bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, selaku Timbalan-timbalan Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Kali Ke-31, Tahun 2024.



## JKP luaskan rangkaian dalam Ekspo Pelancongan Jepun 2024



Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

### >> Muka 1

Lebih 40 agensi, termasuk wakil daripada universiti dan organisasi media, terutamanya dari Jepun menghadiri sesi itu bertujuan untuk menarik lebih ramai pelancong Jepun untuk menerokai Abode of Peace.

Hadir sama, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap II KSSUP, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim; para pegawai JKP dan Kedutaan Besar NBD di Tokyo.

Seminar dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap II, KSSUP, diikuti dengan pembentangan bernes tentang bagaimana agensi pelancongan

Jepun boleh mempromosikan tawaran unik NBD dengan lebih baik.

Wakil daripada agensi pelancongan NBD juga berpeluang mengongsikan tawaran mereka kepada rakan sejawatan Jepun sebelum meneruskan sesi rangkaian dalam memupuk kerjasama antara agensi NBD dan Jepun.

Daripada sesi tersebut, maklum balas daripada peserta adalah sangat positif di mana beberapa agensi yang telah mempromosikan NBD mengongsikan bahawa maklumat yang disampaikan adalah penting dalam memperhalusi pendekatan pemasaran mereka, manakala ejen yang lebih baru menyatakan minat yang kuat untuk bekerjasama dengan NBD dan mengadakan perbincangan yang produktif dengan agensi-



SUASANA Ekspo Pelancongan Jepun 2024 yang berlangsung dari 26 hingga 29 September di Tokyo Big Sight, Tokyo, Jepun (atas dan atas kiri).

agensi NBD mengenai perkongsian yang berpotensi.

Beberapa tempahan daripada ejen pelancongan Jepun juga telah disahkan ke NBD pada November ini. Kehadiran NBD di ekspo itu juga termasuk delegasi tujuh agensi tempatan, yang terdiri daripada hotel, ejen pelancongan, dan syarikat penerbangan nasional Brunei.

Sepanjang ekspo itu juga, wakil

daripada NBD terlibat dalam kedua-dua sesi B2B dan B2C, berhubung dengan perniagaan Jepun dan orang ramai, menawarkan paket pelancongan dan tawaran istimewa untuk melawat NBD.

Penyertaan tahun ini mencerminkan usaha berterusan NBD untuk mengukuhkan kedudukannya di pasaran Jepun dan menggalakkan lebih ramai pelancong menerokai pengalaman unik yang ditawarkan oleh NBD.

Sebagai langkah seterusnya, JKP akan menganjurkan lawatan suai kenal untuk ejen pelancongan Jepun yang terlibat dengan wakil NBD semasa ekspos itu. Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan ejen-ejen berkenaan pengalaman langsung mengenai tarikan NBD, mengukuhkan lagi perkongsian dan meningkatkan keupayaan mereka untuk mempromosikan NBD sebagai destinasi pelancongan dalam pasaran Jepun.

## Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31, Tahun 2024



### Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohammad Hasif Matzin



### Daerah Tutong

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



**TUTONG**, Sabtu, 28 September. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada hari ini telah mengadakan Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-31 bagi Tahun 2024, secara serentak di masjid-masjid utama di setiap daerah.

Masjid yang menjadi tumpuan bagi Daerah Tutong ialah Masjid Hassanal Bolkiah dan dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Tingkat II, masjid berkenaan, Awang Sahibol Omar bin Haji Yusoff dan diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin.

Sementara itu, bacaan Doa Khas sempena HPA pula dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah

Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Tema bagi HPA Kali Ke-31 masih dikenalkan iaitu 'Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam Pemangkin Kesejahteraan Negara', yang sinonim dengan perjalanan Perkhidmatan Awam negara ini dalam menelusuri arus perubahan dan mendepani cabaran-cabaran.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta para pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir menyertai majlis yang diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah (atas kiri dan kiri).

## Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-31, Tahun 2024

### Daerah Temburong

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**TEMBURONG**, Sabtu, 28 September. - Bersempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-31 pada tahun ini, Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengadakan Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas secara serentak di masjid-masjid utama di setiap daerah.

Bagi di Daerah Temburong, majlis tertumpu di Masjid Utama Mohammad Salleh, Temburong dengan dihadiri oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Majlis dimulakan dengan menuaikan Sembahyang Fardu

Asar Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan diteruskan dengan Doa Khas sempena Hari Perkhidmatan Awam yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini.

Pada tahun ini, tema Sambutan HPA Ke-31 ialah 'Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam Pemangkin Kesejahteraan Negara'.

Turut hadir adalah Timbalan-timbalan Menteri di JPM, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua Jabatan serta para pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir menyertai majlis yang diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh (atas dan bawah kiri). Manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



**KUALA BELAIT**, Sabtu, 28 September. - Bersempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-31 pada tahun ini, Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengadakan Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas secara serentak di masjid-masjid utama di setiap daerah.

Sehubungan itu, pada majlis yang berlangsung di Daerah Belait, tumpuan majlis adalah di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait yang dihadiri oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Atur cara dimulakan dengan

menuaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid berkenaan, Awang Afiq Haririe bin Haji Mohd Daud, yang seterusnya mengetuai bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas sempena HPA.

Masjid tumpuan bagi Daerah Brunei dan Muara adalah Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir menyertai majlis yang diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam (kiri), manakala gambar atas, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

### Daerah Belait

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Begawan, sementara tumpuan majlis di Daerah Tutong ialah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong. Manakala majlis di Daerah Temburong pula tertumpu di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Juga hadir ke masjid-masjid di

setiap daerah adalah Timbalan-timbalan Menteri di JPM, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta para pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam.

# Sumbangan derma ringankan beban mangsa musibah



**■ Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 28 September. - Seramai 17 orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir, kebakaran dan rumah roboh menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Majlis berlangsung di Dewan Citra Budaya, KKBS.

Seramai tiga orang ketua



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana (kiri dan kiri sekali).**

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Pemberian bantuan kewangan tersebut adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana demi kesejahteraan mereka sekeluarga. Usaha berkenaan menunjukkan keprihatinan dan pemeliharaan pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

## KADAR KEMATIAN DISEBABKAN PENYAKIT KARDIOVASKULAR SANGAT MEMBIMBANGKAN

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud  
Foto : Kementerian Kesihatan

### >> Muka 1

Menurut Yang Berhormat, penyakit kardiovaskular juga merupakan penyebab utama kematian di Negara Brunei Darussalam (NBD). Pada tahun 2023, sebanyak 520 kematian adalah disebabkan oleh penyakit kardiovaskular, yang mana 31 peratus daripada kematian tersebut adalah kematian pra matang. Ianya menunjukkan peningkatan sebanyak 5 peratus berbanding tahun 2012. Jumlah individu yang dimasukkan ke hospital dengan diagnosis penyakit kardiovaskular adalah seramai 1,722 orang pada tahun yang sama.

"Peningkatan kadar kematian pra matang disebabkan oleh penyakit kardiovaskular dari tahun ke tahun sangat membimbangkan, terutama sekali dalam sedekad kebelakangan ini. Tambahan lagi, penyakit ini semakin banyak menyerang golongan yang lebih muda dan menyebabkan beban ekonomi dan sosial yang signifikan kepada masyarakat. Ibu ini perlu ditangani dengan lebih awal memandangkan kebanyakan faktor risiko yang menyumbang kepada penyakit kardiovaskular boleh dicegah," tegas Yang Berhormat.

Beberapa faktor risiko utama jelas Yang Berhormat, menyumbang kepada penyakit kardiovaskular termasuklah faktor-faktor risiko tingkah laku (*behavioural risk factors*) seperti penggunaan tembakau, amalan pemakanan tidak sihat seperti pengambilan lemak dan garam yang berlebihan, serta gaya hidup yang tidak aktif.

Selain itu, faktor risiko biologi (*biological risk factors*) seperti obesiti, tekanan darah tinggi, tahap kolesterol yang tinggi dan diabetes juga boleh dicegah atau dirawat, jika dikesan lebih awal.

Oleh yang demikian, kata Yang Berhormat, setiap tahun seluruh dunia menyambut Hari Jantung Sedunia pada 29 September, yang mana ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang penyakit kardiovaskular, termasuk langkah-langkah pencegahannya dan kesannya. Dengan membuat perubahan kecil pada gaya hidup, ia boleh menjaga kesihatan jantung dan mencegah penyakit kardiovaskular.

"Tema Sambutan Hari Jantung Sedunia pada tahun ini, ialah 'Use Heart for Action' (Gunakan Hati untuk Bertindak), yang menekankan beberapa perkara berikut iaitu Tanggungjawab Individu - Menggesa setiap individu untuk mengambil langkah proaktif dalam kehidupan harian mereka bagi menjaga kesihatan jantung, termasuklah membuat pilihan gaya hidup sihat; Usaha Kolektif Komuniti - Menekankan pentingnya penglibatan dan sokongan komuniti dalam memberikan inspirasi dan dorongan kepada orang di sekeliling mereka, bagi mewujudkan perubahan positif yang berpanjangan;

Akses Kesihatan Yang Adil untuk Semua - Menyeru tindakan dalam menyokong akses yang adil terhadap kesihatan jantung, dengan memberi kuasa kepada masyarakat untuk mendesak dasar-dasar yang mengatasi ketidaksamaan dalam kesihatan dan memastikan setiap individu mempunyai peluang yang sama

untuk menjalani kehidupan yang sihat," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menjelaskan, dari segi individu, beberapa langkah proaktif yang boleh diambil untuk menjaga kesihatan jantung termasuk: mengetahui ciri-ciri jantung yang sihat, seperti mempunyai tekanan darah, degupan jantung dan paras kolesterol yang normal dan berfungsi dengan baik; mengenali gejala-gejala penyakit jantung, seperti sesak nafas, pening atau sakit dada; meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai penyakit kardiovaskular serta langkah-langkah utama bagi pencegahannya; mematuhi nasihat doktor, termasuk pengambilan ubat-ubatan yang dapat mengurangkan risiko penyakit jantung; menjalani pemeriksaan atau saringan kesihatan untuk pengesanan awal dan rawatan, yang mana boleh membantu mengawal penyakit dan mencegah komplikasi penyakit kardiovaskular; dan mengamalkan gaya hidup sihat, seperti pengambilan makanan sihat dan seimbang, bersenam secara konsisten, rehat dan tidur yang cukup dan berkualiti bagi mengurangkan tekanan atau stres serta berhenti merokok.

Kementerian Kesihatan jelas Yang Berhormat, telah pun menjalankan beberapa inisiatif secara berterusan bagi menggalakkan semua lapisan masyarakat di NBD mengamalkan gaya hidup sihat dan pengesanan awal faktor risiko tingkah laku melalui aplikasi BruHealth. Inisiatif Kejohanan BN On The Move 2024 yang dikenalkan melalui aplikasi BruHealth mempunyai beberapa



**JALANI saringan kesihatan bagi pengesanan awal faktor risiko tingkah laku dan penyakit-penyakit tidak berjangkit termasuklah penyakit kardiovaskular.**

ciri baru, termasuk cabaran langkah komuniti, cabaran korporat dan juga sistem mata insentif yang dikenali sebagai BruPoints, yang mana bertujuan untuk meningkatkan tahap kegiatan fizikal masyarakat dengan meningkatkan jumlah langkah setiap hari.

Melakukan senaman secara kerap sarang Yang Berhormat seperti berjalan kaki setiap hari dapat membantu meningkatkan kesihatan jantung, kualiti tidur, serta kesihatan mental yang baik, sekali gus mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular.

Di samping itu, inisiatif Health Index and Risk Assessment juga telah diperkenalkan, yang mana menurut Yang Berhormat bertujuan untuk menggalakkan orang ramai untuk menilai status kesihatan masing-masing dan menjalani saringan kesihatan bagi pengesanan awal faktor risiko tingkah laku dan penyakit-penyakit tidak berjangkit termasuklah

penyakit kardiovaskular. Pengesanan awal melalui saringan ini membolehkan rawatan awal penyakit kardiovaskular serta pencegahan komplikasi yang berkaitan.

Sempena Hari Jantung Sedunia pada tahun ini, Yang Berhormat menyeru agar setiap individu bertindak sekarang dan bertanggungjawab terhadap kesihatan masing-masing demi meningkatkan peluang kekal sihat dan menikmati hidup yang berkualiti pada usia lanjut.

"Oleh itu, marilah kita sama-sama mengambil langkah proaktif dan memberi inspirasi kepada orang di sekeliling kita untuk melakukan perkara yang sama. Bersama-sama, kita boleh mencipta perubahan yang positif dan memastikan setiap orang mempunyai peluang untuk hidup lebih sihat dan berkualiti," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusan.

# SEMBAHYANG SUNAT HAJAT KHUSUS BAGI PELAJAR PIP YSHHB

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Ahad, 29 September. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengendalikan Majlis Sembahyang Sunat Hajat iaitu khusus bagi para pelajar yang mengikuti kelas tuisyen di bawah Program Intervensi Pendidikan (PIP) YSHHB bagi seluruh negara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, di sini ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan juga Pengurus Jawatankuasa Meneliti Bantuan YSHHB.

Kelas Tuisyen PIP YSHHB

menumpukan pembelajaran bagi mata-mata pelajaran teras dalam memastikan para pelajar mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan supaya mereka mendapat peluang terbaik untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Selain itu, mata-mata pelajaran wajib bagi Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama (SSSRU) juga diserapkan dalam PIP tersebut yang dipanggil dengan Projek Tahsin.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan bacaan Doa Peperiksaan yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanal



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah.

Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Pada tahun ini, seramai 264 pelajar yang mengikuti Projek Kelas Tuisyen PIP di lapan buah pusat di seluruh negara akan menduduki peperiksaan awam pada tahun ini iaitu 148 orang pelajar akan menduduki Penilaian Sekolah Rendah (Tahun 6), 65 orang pelajar akan menduduki Peperiksaan BCGCE 'O' Level (Tahun 11) dan 51 orang pelajar akan menduduki SSSRU.

ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (kiri dan kanan).



## 3 pelajar dianugerahkan Biasiswa KHEU Peringkat Sarjana



Oleh : Nur Amalia Alisha Daud  
Foto : Jabatan Pengajian Islam

**GADONG**, Sabtu, 28 September. – Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam pagi tadi mengadakan Majlis Doa Kesukuran bagi Penganugerahan Biasiswa KHEU Peringkat Sarjana, Sesi Akademik 2024 / 2025 kepada tiga orang pelajar yang telah ditawarkan biasiswa bagi mengikuti pengajian di luar negara. Majlis diadakan di Songket Hall 3, The Rizqun International Hotel.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Ketiga-tiga penerima akan berlepas ke United Kingdom dalam bidang masing-masing iaitu Awang Ahmad Rusydi bin Haji Mohd.

Salleh yang akan melanjutkan pengajian dalam jurusan Master in Commercial Law di Queen Mary University of London; Awang Mohammad Nur Hafizuddin bin Abdullah Mohamad Norajme dalam jurusan Master in Statistic di University of Leeds; dan Dayang Nurafrina Fikriyah binti Abdul Razak dalam jurusan Master (Taught): Arabic-English Translation di University of Birmingham.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan ucapan daripada Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar selaku Pengurus Majlis.

Menurut Awang Haji Shamshol, dengan adanya penganugerahan biasiswa baharu tersebut, jumlah keseluruhan pelajar-pelajar Biasiswa KHEU pada masa ini adalah seramai 91 orang dan enam daripadanya adalah pelajar



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesukuran bagi Penganugerahan Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama Peringkat Sarjana, Sesi Akademik 2024 / 2025 (atas dan atas kiri).

di peringkat Sarjana.

Ujarnya lagi, penghantaran pelajar-pelajar bagi peringkat Sarjana ini adalah dilaksanakan melalui Biasiswa Skim Ulong/Pakar di mana skim tersebut merupakan salah satu inisiatif pihak KHEU dalam memberikan ruang dan peluang kepada pelajar-pelajar cemerlang di peringkat Sarjana Muda untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi sama ada di peringkat Sarjana ataupun peringkat Doktor Falsafah.

Jelasnya, pihak KHEU juga berhasrat dengan adanya penganugerahan biasiswa

kerajaan melalui skim ini dapat melahirkan tenaga-tenaga pakar ugama khususnya demi memenuhi keperluan negara dalam bidang-bidang tertentu seperti Tafsir Al-Quran, Perundangan Islam, Ekonomi dan kewangan Islam dan lain-lain.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian Surat Penganugerahan Biasiswa KHEU kepada pelajar-pelajar diraikan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan tayangan video. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesukuran oleh Awang Haji Mohammad

Hendra bin Haji Meraji.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Dr. Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh dan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani serta para pegawai kanan KHEU.

# 2 BERADIK DUSUN TERIMA HIDAYAH

**TUTONG**, Ahad, 29 September. - Dua adik-beradik Puak Dusun, Dayang Wahroseliza binti Buah dan Dayang Wahroseliaa binti Buah, masing-masing berumur 27 dan 21 tahun, melafazkan Dua Kalimah Syahadah di Majlis Pengislaman pagi tadi di kediaman mereka, bertempat di Kampung Pak Bidang Ukong, Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub selaku Penghulu Mukim Ukong; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad; dan Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan ayat suci Al-Quran dari Surah Al-Mu'minun ayat 1 hingga 11 yang dibacakan oleh Penolong Timbalan Pegawai Turus Gerakan Agama, Jabatanrahar Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (JAMA'AT), Kapten Muhd. Nasryul Wafiy bin Haji Mahdini.

Majlis diteruskan dengan Lafaz Dua Kalimah Syahadah oleh Dayang Wahroseliza binti Buah dan Dayang Wahroseliaa binti Buah yang masing-masing



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengislaman Dayang Wahroseliza binti Buah dan Dayang Wahroseliaa binti Buah. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Ukong.

memilih nama Islam mereka sebagai Dayang Wahroseliza binti Abdullah Buah dan Dayang Wahroseliaa binti Abdullah Buah.

Majlis pengislaman tersebut disempurnakan oleh Pegawai Pengislaman daripada Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, Bahagian Pengembangan Da'wah, PDI.

Diikuti dengan laungan takbir

sebanyak tiga kali dan bacaan Doa Pengislaman dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Turus Gerakan Agama, JAMA'AT, Mejar Narulismandy@Anwar Hadi bin Haji Samaih.

Pada majlis itu diserikan lagi dengan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai dan seterusnya penyampaian cenderahati kepada saudara-

Oleh : Nooratin Haji Abas  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

saudara baharu yang diraikan disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Bagi memberkati majlis, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pemangku Pengarah JAMA'AT, Leftenan Kolonel Ariffin

bin Amit@Hamid.

Sejak awal Januari hingga 28 September 2024, seramai 232 orang telah memeluk ugama Islam di seluruh Negara Brunei Darussalam. Daripada jumlah tersebut, seramai 46 orang adalah dari Daerah Tutong.

## Majlis Jubli Emas mantan penuntut MPSHB

(MPSHB) 1974-1979 hari ini telah mengadakan Sambutan Jubli Emas yang berlangsung di Badi'ah Hotel, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Pertemuan semula bekas pelajar MPSHB bagi 1974-1976 setelah 50 tahun berpisah tersebut menjadi satu kenangan manis yang sukar dilupakan sepanjang hayat.

Interaksi bersama mantan-penuntut amat bermakna kerana mereka telah mendidik dan membentuk penuntut agar menjadi insan berketerampilan, berperibadi unggul serta menjadi pewaris kepimpinan negara.

Majlis yang bertemakan Jubli

Emas '50 Tahun' diserikan dengan deklamasi sajak bertajuk 'Perkasa Bangsa' oleh Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah dan Profesor Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail.

Ini diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat yang disampaikan oleh Pengurus Majlis, Awang Haji Matassan bin Haji Bungsu. Majlis diselanjurkan dengan Acara Memotong Kek sempena Jubli Emas dan Sambutan Hari Guru.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Jubli Emas (atas), manakala gambar kiri dan bawah kiri, suasana majlis yang berlangsung di Badi'ah Hotel.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 29 September. - Mantan penuntut Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah

# AKTIVITI BERMANFAAT IMARAHKAN SAMBUTAN KE-66 TAHUN MOAS



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkat (atas), manakala gambar kanan, Penolong Pensyarah Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak menyampaikan tazkirahnya. Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 29 September. - Sambutan Ke-66 Tahun Masjid Omar 'Ali Saifuddien (MOAS) terus disemarakkan dengan Program Masjidku Makmur,

Negara Berkat bertempat di MOAS di ibu negara awal pagi tadi.

Sejurus melaksanakan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, jemaah sempat

mendengarkan Tazkirah Subuh bertajuk 'Imarah Masjid di Zaman Rasulullah Alaihi Wassalam'.

Penolong Pensyarah Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak dalam tazkirahnya menerangkan berkaitan beberapa fungsi masjid yang sememangnya diperlakukan di zaman Nabi Muhammad pada ketika dulu antaranya Rasulullah sangat menggalakkan untuk umat Islam agar menunaikan sembahyang berjemaah di masjid sebagai tempat ibadah.

Awang Abdul Rahman seterusnya menjelaskan, masjid

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

juga berfungsi dalam menerapkan tarbiah pendidikan antaranya pendidikan rohani termasuk bertalaqi, sirah nabawiah, fardu ain dan sebagainya kerana mempunyai keberkatan yang istimewa selain daripada pendidikan jasmani dan aktiviti yang boleh dilakukan di luar kawasan masjid.

Pada zaman Rasulullah, katanya, masjid adalah tempat perlindungan atau tempat tinggal seperti bagi Ahli Sufah yang menjadikan masjid sebagai tempat istirahat selain itu, masjid juga dijadikan sebagai tempat perubatan dan perlindungan yang pernah terjadi di zaman Rasulullah apabila Saad bin Muaz dirawat di masjid.

Tambahnya, masjid juga sebagai tempat bagi hari kegembiraan antaranya seperti tempat penyatuan bagi pernikahan sepasang suami isteri dengan mempraktikkan dan mengikut adab dan tatatertibnya.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat yang juga mengikuti Acara Riadah 66 Tahun MOAS.

Acara yang diselenggarakan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta Belia dan Belianan Syababus Salam MOAS itu diteruskan dengan aktiviti beriadah yang dimulakan dengan sesi pemanasan badan, senamrobik dan kemudian berjalan kaki di



beberapa kawasan di ibu negara.

Program Masjidku Makmur, Negara Berkat diadakan bertujuan mengajak orang ramai untuk memakmurkan masjid secara istiqamah (berterusan) dengan mendirikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang sebagaimana kita ketahui bahwa mendirikan sembahyang secara berjemaah itu mempunyai kelebihan daripada berbanding sembahyang secara perseorangan.

Di samping memberi peluang dan kemudahan kepada orang ramai terutama para pengunjung acara Bandarku Ceria untuk memulakan langkah dan keceriaan hari mereka dengan meraih keberkatan melalui penglibatan dalam memakmurkan rumah Allah, ia juga untuk merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid selepas sembahyang dan aktiviti keagamaan yang diaturkan.

Sementara riadah tersebut pulak diharap dapat lagi mengembangluaskan syiar Islam dan dakwah sesuai dengan fungsi masjid di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu menjadikan masjid bukan sahaja sebagai tempat ibadah malahan sebagai tempat penyatuan umat Islam dalam aktiviti keagamaan, sosial, budaya dan kerohanian.

Di samping untuk mengeratkan lagi silaturahim antara Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Muslimah, Belia dan Belianan Syabibus Salam MOAS serta orang ramai, ia juga untuk mengimarahkan masjid dengan aktiviti-aktiviti bermanfaat.



## DARI MAHKAMAH

### Padah akibat miliki barang tegahan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 29 September. - Seorang lelaki warga asing dan seorang perempuan penduduk tetap didakwa di Mahkamah Majistret atas empat pertuduhan kerana memiliki barang-barang tegahan kastam, iaitu pelbagai jenis rokok dan minuman keras.

Majistret Abdul A'zim bin Othman membuat keputusan berkenaan selepas Yee Yong Pin (Defendant 1), 43 tahun warganegara Malaysia dan Jong Yit Lian (Defendant 2), 45 tahun, penduduk tetap didapati bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 dan dijatuhi hukuman.

D1 dan D2 ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di Pos Kawalan Ujong Jalan Temburong (Bahagian Kenderaan Masuk) pada 21 September 2024.

Bagi pertuduhan pertama D1 didakwa memiliki 90 karton, dua paket dan dua batang rokok pelbagai jenis, sementara itu pertuduhan kedua iaitu memiliki 1,440 tin minuman keras pelbagai jenis.

Manakala bagi pertuduhan ketiga D2 didakwa memiliki 75 karton rokok pelbagai jenis dan pertuduhan keempat iaitu memiliki 36 botol dan 1,440 tin minuman keras pelbagai jenis. Kedua-dua tertuduh mengaku bersalah dan dijatuhi hukuman.

Bagi tuduhan pertama, dihukum denda mahkamah sebanyak BND90,300 atau 18 bulan pemerjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda; bagi pertuduhan kedua dihukum denda Mahkamah sebanyak BND22,584 atau 13 bulan pemerjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda.

Sementara itu, pertuduhan ketiga dihukum denda mahkamah sebanyak BND75,000 atau 17 bulan pemerjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda; bagi pertuduhan keempat dihukum denda Mahkamah sebanyak BND28,440 atau 14 bulan pemerjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda.

D1 telah dikenakan keseluruhan denda mahkamah sebanyak BND12,884 atau 31 bulan pemerjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda tersebut. Bagi D2 dikenakan keseluruhan denda Mahkamah sebanyak BND103,440 atau 31 bulan pemerjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda tersebut.

Semua barang yang terlibat iaitu rokok dan minuman keras dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan. Manakala dua buah kenderaan terlibat dan tiga unit telefon bimbit terlibat dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tindakan selanjutnya.



#### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Tingkat Kesedaran Kesan Penderaan, Pencabulan Kanak-kanak'.

Tarikh Tutup : 2 Oktober 2024

2. 'Teladan Sunnah Rasulullah Dalam Kehidupan Seharian'. Tarikh Tutup : 9 Oktober 2024

3. 'Menjaga Keamanan Serantau'. Tarikh Tutup : 16 Oktober 2024

#### TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.

2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

#### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

# سُر دَلَّهُ سُرْجِي

## ترتونیکه سوده أمانه؟

ترسیوت بولیه میاوا کقد نراک.

بردارکن دری حديث ترسیوت امت جلس بهاوا فربوانت منجوایکن  
امانه اتاو ملاکوکن خیانا ایت امت پسر آنچمنن سهیغکن هان کران سهلای  
فاکاین اتاو ساوتس تالی کاسوت بع دداقتکن دغنا جارا بع تیدق امانه قون  
اکن منرتیا بالسن افی نراک دأخیرة. اولیه ایت، مبیلکی صفة امانه اداله منجادی  
تو غکن قنتیع دالم سموا اسیکن ترماسوک اوروسن فکرجان. سکل  
تعکوغرحواب دان توکس بع کیت لقستاکن هنداکله بتر-بتر منفاتی کونسیف  
دغنا ملتقکن فکرجان بع دکالس سپاکی عباده. دالم معنی، کیت بورکن هان  
دکاول اولیه اوندغ-اوندغ دان فرآتوران دنیا سهاج، تنافسی دالم ماس بع سام  
ای دکاول اولیه هاتی دغنا راس امانه دان تعکوغرحواب کقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

جماعه بع درجمی الله،

الحمدللله، قد ستاباٹ تاهون نکارا کیت بروني دارالسلام مریاکن هاری  
فرخدمتن عوام، فرخدمتن عوام مروفاکن تو غکن اوتام دالم مغکری اکیفکن  
سوبر تناک مانسی دان قبومیغ کقد فروکرام قمباونون نکارا دالم منجادی  
واوسن بروني ۲۰۳۵. تیما سبوتی هاری فرخدمتن عوام کالای ک ۳۱-۳۲  
تاهون این ایاله "کیردای تاهن دان فردادوان فرخدمتن عوام شمعکن  
کسجهرآن نکارا".

ملک سلاکر فنجاوت عوام ماریله کیت برسام-سام ملقساناکن  
تعکوغرحواب دغنا جکاف دان بیمحقسان، برآکاونتایلیتی، ریسفونسیف،  
برإنتکریتی، جوجور دان امانه، عادل دان سپاکن. کیت تروی مندقن جباران  
ماس هدافت دغنا مغفرهیت دان منتاقکن باکی مغفرکاس اینجع فرخدمتن عوام.  
آخرث، کیت سام برد عوام سموک کیت سموا، سام اد بع بکرجا دغنا  
فرخدمتن عوام اتاوقون بع بکرجا دغنا قبیق سواتا اکر ستبیاس ملقساناکن  
توکس دان تعکوغرحواب دغنا امانه، موده-مودهن سکل فکرجان بع کیت  
لاکر کن ایت منداقت کنجارن فاهلا، برکت دان رحمة بع برتروسن درقد الله  
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. آمین یا زب العالمن

تفسیرن:

سسوغکوکن الله مبوروه کامو سووای میرهکن امانه-امانه کقد اهلین  
(بع برحق منزمان) دان افیل کامو منجالنکن حکوم انتارا مانسی (هنداکله)  
کامو مفحکوم دغنا عادل. سسوغکوکن الله (دغنا سوروهن ایت) میری  
فنجارن بع سپاک-بایکن کقد کامو. سسوغکوکن الله اداله مها مندغ  
لاکی مها ملیهت. {سوره النساء آیه : ۵۸}

بارک الله لنا في القرآن العظيم، وَتَعَفَّنَا بِالآياتِ وَالْأُحْكَمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَ  
بِالْأَوْتَهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيُؤْكِمُ وَلَسَابِرُ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاستَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزُ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا لَجَاهَةَ  
الثَّانِيَنَ.

دان منینداس اورغ لاین اوتفوق ممنوهی کفتیغ دیری سندیری، ستبیاس تکون  
دان إخلاص کیک بکرجا دان تیدق مفحیانی کفرجايان بع تله دیریکن دان  
سأومقامان.

کیت هنداکله ستبیاس امانه دان ملاکوکن فکرجان دغنا سپاک  
موغکن، مغکوناکن سلوروه کاؤفایان دیری، ٹوئینسی دان کفاکرن بع  
دمبیلکی دالم ملقساناکن توکس بع دیریکن تتفا سبارغ فتابیان دان فپیویعن.  
اولیه ایت، ساورغ فکرجا مستبله برأسها برسوغکوکه-سوغکوکه دمی  
منجالنکن امانه دان ملقساناکن مسوواتو توکس دغنا میکرکن بهاوا حاصیل  
دری فنداقتن ایله بع اکن منجادی سومبر اوتم رزقی اوتفوق دیری سندیری  
دان جوک کلوارک. درقد جابر بن عبد الله رضی الله عنهما، رسول الله صلی الله علیه وسلم  
برسیدا: أَتَهَا النَّاسُ أَتَقْوَا اللَّهَ وَأَجْلَوْا فِي الطَّلْبِ فَإِنْ تَفَسَّأْ لَنْ ۖ قُوَّتْ حَقِّي  
تَسْتَوْقِي رُزْقَهَا وَإِنْ أَبْطَأْ عَنْهَا فَأَتَقْوَا اللَّهَ وَأَجْلَوْا فِي الطَّلْبِ خُدُوا مَا حَلَّ وَدَعَا  
ما حَرُّمَ.

مقصودن:

واهی مانسی، برتفوی له کامو کقد الله دان تقوهیله جالن بع بایک دالم  
منجادی رزقی کران سسوغکوکن تیدقله ساورغ همبا ایت اکن ماتی سهیغک  
دی بتر-بتر تله هایس رزقین، والوون تریلت داعن. مک برتفوی له کقد الله  
دان تقوهله جالن بع بایک دالم منجادی رزقی. تقوهله جالن-جالن منجادی  
رزقی بع حلال دان تیغکلکن بع حرام. {حدیث روایة ابن ماجه}

سپاکی اورغ اسلام، کیت فرجای بهاوا سکل فربوانت بع دلاکوکن  
ددنیا این اکن منداقت قبیلسن سام اد کنجارن قاهلا اتاوقون عذاب سیقسسا  
دأخیره ننی، سسوغکوکن رسول الله صلی الله علیه وسلم ادا میری فریغعن مغایی عقیة  
منجوایکن امانه مالالوی حدیث بع دروایتکن اولیه امام مسلم، درقد أبو هریرة  
رضی الله عنهما ای برکات: کامی کلوار برسام رسول الله صلی الله علیه وسلم منجو خیز،  
الله میریکن کمنغن کقد کامی تنافسی کامی تیدق منداقتکن رامقسن فراغ بروفا  
امس اتاو فراق. هان بع کامی فرأولیه اداله بارغ-بارغ ماکنن دان فاکاین.  
کمودین کامی منجو سموک دان برسام رسول الله صلی الله علیه وسلم ایله  
ساورغ همبا قمیرن ساورغ للاکی دری جذام برنام رفاغه بن زید درقد بی  
الصَّبِيبِ. کتیک کامی منروونی لمبه ایت، همبا رسول الله صلی الله علیه وسلم ایت  
بردیری اوتفوق ملقسکن تالی بیکن کندرأن. مالفن، دی ترکنا انق قانه دان  
ستبله دی منیغکل لاو کامی برکات: کامی برشکور دی کوکور دالم ماتی  
شهید. رسول الله صلی الله علیه وسلم تیدقا! دمی دیری محمد، سسوغکوکن  
سهلای فاکاین جو به اکن مارکن افی نراک کائنسن. فاکاین ایت دی امیل  
درقد هرتا رامقسن فراغ خیز، قد حال فاکاین ایت بوکن بهاکن. لاو

اورغ رامی منجادی تاکوت. مک داتغ ساورغ للاکی دغنا میاوا ساوتس اتاو  
دوا اوتاس تالی کاسوت دان برکات: يا رسول الله! اکو منداقتکن کیک  
فراغ خیز، رسول الله صلی الله علیه وسلم برسیدا: ساوتس اتاو دوا اوتاس تالی

جماعه بع درجمی الله،  
برتفوی له کیت کحضرۃ اللہ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغنا منیغکن کلماعن کفدن.

سسوغکوکن اورغ بع فالیع ملیا دسیسی اللہ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایت ایاله اورغ بع فالیع  
برتفوی، موده-مودهن کیت منجادی انسان بع ستبیاس مغلیعی اللہ  
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، برامله کجیان دان کسلامن دنیا دان جوک دأخیرة.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفمان دالم سوره الأحزاب آیه : ۷۲

تفسیرن:

سسوغکوکن کامی فونه مغموكاکن امانه کقد لاغیت دان بومی سرنا  
کونونغ-کانغ (اوتفوق میکولن)، مک مریک اغکن میکولن دان بیمیغ تیدق  
دافت میمقووناکن دان مانسی فولا سعکوف میکولن. سسوغکوکن مانسی  
اداله ساعت ظالم لاکی جاھل.

جماعه بع درجمی الله،

امانه اداله ساله ساتو صفة ترقیجی بع دتونتوت ددام اسلام. ستاباٹ  
اورغ مشوریا امانه دان تعکوغرحواب بع فرلو دناني دالم سموا اسیک  
کهپیدون. ستاباٹ انسان مستبله مبدری بهاوا دی ستبیاس میکولن امانه، بایک  
امانه ڈدی سندیری، کلوارک، مشارکت، نکارا ماھوون اکام. ادفون  
انتارا جونته بع بولیه دکایتکن دغنا امانه ایت اداله، مغدادالکن سیکف امانه  
دالم فکرجان، تیدق کیرا سام اد ساورغ ایت بکرجا سندیری، بکرجا  
دمیکتور عوام ماھوون دسیکتور سوasta.

سسوغکوکن ساورغ فکرجا بع امانه ملیهت فکرجان ایت سپاکی  
تعکوغرحواب بع باکل دفرسوالکن دان دفرتعکوغرحوابکن دهدافن الله  
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. اولیه بع دمکین، سپاکی ساورغ فکرجا خصوصن فنجاوت عوام  
یعنی تله دیری مندت اوتفوق مکع ساتو جاوتن دالم کراجان هنداکله  
ستبله برہاتی-هاتی دالم میکول سسوواتو امانه بع دیریکن، جاعن سیفی امانه  
یعنی دفرتعکوغرحوابکن ایت دخیانی. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفمان دالم سوره الأنفال  
آیه : ۲۷

تفسیرن:

واهی اورغ-اورغ بع برلما! جاعنله کامو مفحیانی اللہ دان رسول  
دان جاعنله کامو مفحیانی امانه-امانه (یعنی دامانهکن کقد) کامو سداع کامو  
مفهومی.

جماعه بع درجمی الله،  
فریحال منجالک امانه ددام فکرجان، تردافت براف فرکارا بع فرلو کیت  
جاک دان تیغکریتکن، انتارا ایاله منجالک دان منتفی وقتو بکرجا، جوجور دالم  
منجادی سومبر کواغن تتفا ملیتکن رسواه ماھوون قبیقوان، تیدق منظالمی

# دعاء ممohen كفـد الله سقـاي قـرـسلامـة درـقد بلـاء دـان سـكـل جـنـيس قـيـاـكـيـت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى أَلِيهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۴.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۴.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۴.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرُ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ  
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ  
أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.  
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيْرِ الَّذِي لَا  
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ  
الْأَسْنَاقِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبَلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَنْوَاءَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطْفِكَ يَا طَيْفُ يَا حَبِّرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۴.

وَصَلَى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu ‘alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahanatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذْنَا  
سِنَةً وَلَا نَوْمًا لَمَّا مَاتَنَا السَّمَوَاتِ وَمَا  
فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَاذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ  
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ  
وَلَا يَجِدُونَ شَيْئًا مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا يَمْشَأ  
وَسَعَ كُرْبَبَيْهِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا يَنْعُودُهُ  
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ  
الْحَوَاجُجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى  
الْعَفَمُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَعْنَةٍ  
وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engku limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْلَامِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،  
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،  
فَاغْفِرْ لِي فَإِنْهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engku. Engku telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engku".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يع مباوا كبر او نتو عن ساعت بسر كقد قع عملن ( تولق بلاء )

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(1)

يَا حَيُّ يَا قَيُومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(5)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(4)



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran:

12 / SEPT / 2024 / KKBS / HSSE /  
SECURITY / MN / JMM

Tajuk Tawaran:

Membekalkan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tempoh Tiga Puluh Enam (36) Bulan bagi Bangunan Muzium Negara, Jalan Kota Batu, Jabatan Muzium-Muzium, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :

Selasa,  
15 Oktober 2024.  
Jam 2.00  
Petang.



KEMENTERIAN HAL  
EHWAL UGAMA

Bahagian  
Teknologi Maklumat  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:  
15 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2024  
The Supply, Delivery,  
Installation, Setup,  
Configuration, Testing and  
Maintenance of Cabling and  
Network Accessories at  
The Tutong Religious  
Affairs Office,  
Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:  
Rabu,  
16 Oktober 2024.  
Jam 2.00  
Petang.



JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI

Bilangan dan Tajuk Tawaran :

To Supply and Deliver  
Terminal Building Lightings and  
Electrical Accessories,  
Brunei International Airport.  
AME / 2024 – 2025 / SH-24  
(Kelas I / II dan ke atas)

Tarikh iklan / mengambil  
dokumen Sebut Harga :

18 September 2024,  
Rabu.

Tarikh terakhir mengambil  
dokumen Sebut Harga :

1 Oktober 2024,  
Selasa.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh tutup Sebut Harga :

2 Oktober 2024,  
Rabu.

Kepada:  
Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut Harga  
d/a Aras Bawah,  
Seksyen Kewangan,  
Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan  
Awam  
Kementerian Pengangkutan dan  
Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan BB2513  
Negara Brunei Darussalam



JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI

Bilangan dan Tajuk Tawaran:

Supply, Installation and  
Delivery of Server Accessories  
for Communication Systems  
under CNS/ATM for  
Aeronautical Telecommunication  
Services,

Department Of Civil Aviation  
ATELS / 2024 / SH-20

Tarikh iklan / mengambil  
dokumen Sebut Harga:

25 September 2024,  
Rabu.

Tarikh terakhir mengambil  
dokumen Sebut Harga:

8 Oktober 2024,  
Selasa.

Tarikh tutup  
Sebut Harga:

9 Oktober 2024,  
Rabu.

(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:

Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut Harga  
d/a Aras Bawah,  
Bangunan Ibu Pejabat  
Jabatan Penerbangan Awam  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan BB2513  
Negara Brunei Darussalam



JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:  
JDT / KPD / 15 / 2024 - 2025

Tajuk Tawaran :

To Replaster the Existing  
Concrete Floor At Dewan  
Kemasyarakatan  
Kampung Bukit Beruang  
Daerah Tutong,  
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :  
BND5.00

Tarikh Tutup :  
Isnin,  
14 Oktober 2024.  
Jam 2.00  
Petang.



JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :  
JDT / KPD / 16 / 2024 - 2025

Tajuk Tawaran :

Installation of  
Cement Board Wall Covering  
to the Existing Louvre Wall  
Ventilation and Repair  
the Existing Stage  
at Dewan Kemasyarakatan  
Kampung Danau,  
Mukim Telisai  
Tutong

Yuran Tawaran :  
BND5.00

Tarikh Tutup :  
 Isnin,  
14 Oktober 2024.  
Jam 2.00  
Petang.



KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN

Jabatan Kemajuan  
Pelancongan  
Kementerian Sumber-Sumber  
Utama Dan Pelancongan

Bilangan Tawaran:  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 22

Tajuk Tawaran:  
“To Provide Technical Tour  
Service for Members of The  
Legislative Council to Tourist  
Destination  
in October 2024”

Tarikh Tutup Tawaran:  
Khamis,  
3 Oktober 2024.  
Jam 2.00  
Petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran 1:

MINDEF / DFA / FY2024 /  
LB / TA / 022  
Pembelian Combat  
Assault Vest (CAV) bagi  
Tentera Darat Diraja Brunei


Yuran Tawaran:

BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir  
bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah  
satu (1) minggu  
sebelum tarikh  
tutup tawaran,  
iaitu Selasa,  
22 Oktober 2024

Rujukan Tawaran 2:

MINDEF / DFA / FY2024 /  
LB / TA / 023  
Pembelian Bergen  
Bagi Tentera  
Darat Diraja Brunei



Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Tawaran :

RTB / K / 111 / 24 – 25 :  
The Airtime Placement for  
TV & Radio Ramadhan  
Clockfaces

Bayaran Tawaran :

BND5.00  
(tidak dikembalikan)  
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas (Hardcopy) :

BND5.00  
(jika perlu dan  
tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :

Rabu,  
23 Oktober 2024.  
Jam 2.00  
Petang.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**1. DA / JKSH / 95 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :  
 1. Sekolah Rendah Pg. Anak Puteri Besar, Sungai Kebun  
 2. Sekolah Rendah Sungai Siamas Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.  
 Kod Blok : SM / 04  
 bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**2. DA / JKSH / 96 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :  
 1. Sekolah Rendah Berakas Garison  
 2. Sekolah Rendah Pantai Berakas Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.  
 Kod Blok : SM / 08  
 bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**3. DA / JKSH / 97 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :  
 1. Sekolah Rendah Haji Mohd Salleh, Sungai Hanching  
 2. Sekolah Rendah Tanah Jambu Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.  
 Kod Blok : SM / 11  
 bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**4. DA / JKSH / 98 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :  
 1. Sekolah Rendah Bebuloh  
 2. Sekolah Rendah Kasat  
 3. Sekolah Rendah Putat  
 4. Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Menunggol  
 5. Sekolah Rendah Tanjong Kindana Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.  
 Kod Blok : SM / 27  
 bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**5. DA / JKSH / 99 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :  
 Sekolah Rendah Dato Haji Mohd Yassin, Kg. Perpindahan Mentiri Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.  
 Kod Blok : SM / 33  
 bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**6. DA / JKSH / 100 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan

Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :  
 Sekolah Rendah Rimba I, Kg. Perpindahan Rimba Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.  
 Kod Blok : SM / 34  
 bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**7. DA / JKSH / 101 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :  
 Sekolah Rendah Katok, Tungku, Kg. Tungku Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.  
 Kod Blok : SM / 38  
 bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**8. DA / JKSH / 102 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :  
 1. Sekolah Rendah Sinaut  
 2. Sekolah Rendah Bukit Panggal  
 3. Sekolah Rendah Keriam Kementerian Pendidikan. Daerah Tutong.  
 Kod Blok : SM / 45  
 bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**9. DA / JKSH / 103 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :  
 1. Sekolah Rendah Lamunin  
 2. Sekolah Rendah Rambai  
 3. Sekolah Rendah Bukit Udal Kementerian Pendidikan. Daerah Tutong.  
 Kod Blok : SM / 46  
 bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**10. DA / JKSH / 104 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :

1. Sekolah Rendah Sungai Liang
2. Sekolah Rendah Lumut Kementerian Pendidikan. Daerah Belait.  
 Kod Blok : SM / 50  
 bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**11. DA / JKSH / 105 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :

1. Sekolah Rendah Sungai Tali, Kuala Belait. Kementerian Pendidikan. Daerah Belait.  
 Kod Blok : SM / 54  
 bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**12. DA / JKSH / 106 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :

1. Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi
2. Sekolah Rendah Rataie Kementerian Pendidikan. Daerah Temburong.

Kod Blok : SM / 58  
 bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**13. DA / JKSH / 107 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :  
 Sekolah Rendah Katok B Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.  
 Kod Blok : SM / 59  
 bagi Tempoh Empat (4) Bulan

**14. DA / JKSH / 108 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :  
 1. Sekolah Rendah Selapon  
 2. Sekolah Rendah Semabat Kementerian Pendidikan. Daerah Temburong.  
 Kod Blok : MKN / 11  
 bagi Tempoh Enam (6) Bulan

**15. DA / JKSH / 109 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :  
 1. Sekolah Rendah Dato Maharaja Setia Dian, Sukang  
 2. Sekolah Rendah Melilas Kementerian Pendidikan. Daerah Belait.  
 Kod Blok : AM / 01  
 bagi Tempoh Enam (6) Bulan

**16. DA / JKSH / 110 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :  
 Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.  
 Kod Blok : AK / 01  
 bagi Tempoh Enam (6) Bulan

**17. DA / JKSH / 111 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :  
 Sekolah Menengah Pg. Jaya Negara Pg. Haji Abu Bakar, Mumong, Kuala Belait Kementerian Pendidikan. Daerah Belait.  
 Kod Blok : AK / 07  
 bagi Tempoh Enam (6) Bulan

**18. DA / JKSH / 112 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Jamuan Harian Sarapan Pagi Secara Tapau bagi Program Harapan :  
 Sekolah Rendah Semabat Kementerian Pendidikan. Daerah Temburong.  
 Kod Blok : PH / S7  
 bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**19. DA / JKSH / 113 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan-Keperluan Pemakanan (Makan Tengah Hari) bagi Program Harapan :

Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Menunggol Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.  
 Kod Blok : PH / T2  
 bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**20. DA / JKSH / 114 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan-Keperluan Pemakanan (Makan Tengah Hari) bagi Program Harapan :  
 Sekolah Rendah Merangking Kementerian Pendidikan. Daerah Belait.  
 Kod Blok : PH / T3  
 bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**21. DA / JKSH / 115 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Minuman Kotak Tenusu bagi Program Harapan :  
 1. Sekolah Rendah Abdul Rashid, Tanjung Maya

2. Sekolah Rendah Kg. Menengah Kementerian Pendidikan. Daerah Tutong.  
 Kod Blok : PH / ST6  
 bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**22. DA / JKSH / 116 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Minuman Kotak Tenusu bagi Program Harapan :  
 Sekolah Rendah Serasa, Muara Kementerian Pendidikan. Daerah Brunei Muara.  
 Kod Blok : PH / ST11  
 bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**23. DA / JKSH / 117 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Minuman Kotak Tenusu bagi Program Harapan :  
 Sekolah Rendah Orang Kaya Ali Wanika Setia Diraja, Kupang Kementerian Pendidikan. Daerah Tutong.  
 Kod Blok : PH / ST12  
 bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**24. DA / JKSH / 118 / 2024 / 2025  
[BPPA-OKT-2024]**

Sebut Harga Membekal dan Menghantar Minuman Kotak Tenusu bagi Program Harapan :  
 Sekolah Rendah Labu Estate Kementerian Pendidikan. Daerah Temburong.  
 Kod Blok : PH / ST13  
 bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran Sebut Harga :**

BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu :**

Sabtu,  
 12 Oktober 2024.  
 (Jam 9.00 Pagi)



Request For Proposal (RFP):  
To Provide, Operate, Manage  
and Maintain Public Transport  
Services in Brunei Darussalam

1. Pihak yang berminat dijemput untuk menyertai RFP dalam menyediakan, mengendali, mengurus dan menyelenggara perkhidmatan pengangkutan awam di Negara Brunei Darussalam.

2. Borang pendaftaran bagi mendapatkan dokumen RFP boleh dimuat turun dari pautan ini : <http://jpd.gov.bn/RFP2024> atau melalui kod QR di bawah :

**Registration Form  
for RFP**



3. Borang pendaftaran yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke e-mel : [rfp@jpd.gov.bn](mailto:rfp@jpd.gov.bn)

4. Adalah menjadi tanggungjawab pihak yang berkepentingan untuk memastikan borang pengesahan penerimaan telah diterima oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

5. Tarikh tutup penyerahan adalah pada **Selasa, 28 Januari 2025** sebelum jam **2.00 Petang**.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila hubungi Jabatan Pengangkutan Darat melalui e-mel [rfp@jpd.gov.bn](mailto:rfp@jpd.gov.bn)



# IMBASAN MINGGUAN



ANTARA yang menghadiri semasa Forum Canvas of Calm yang diadakan di Garden's Veranda, Rimba. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

SEBAHAGIAN jemputan yang hadir semasa Majlis Ceramah Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hirah bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi. - Foto : Azmah Haji Ahad.



PESERTA-peserta Wushu dari luar negara semasa Majlis Makan Malam Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 yang berlangsung di Dewan Munawwarah, Setia Point Berakas. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

ANTARA yang hadir pada Program Dakwah melalui Tadabbur Al-Quran dan Al-Hadis bagi Daerah Temburong yang dikendalikan oleh Penolong Profesor, Dr. Norashibah binti Haji Besar. - Foto : Haji Abdul Azim@Haji Mu'az Haji Tujuh.



ANTARA yang mengikuti pameran pada Majlis Meraikan Ulang Tahun Kedua Makmal Inovasi Brunei (Brunei Innovation Lab - BIL) di Amphitheatre Bangunan KHUB. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



# HPA, platform mengiktiraf prestasi cemerlang penjawat awam

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Foto : Jabatan Penerangan

**P**ENJAWAT awam memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan kelancaran pentadbiran sebuah negara. Mereka adalah tulang belakang kepada pelbagai perkhidmatan dan infrastruktur negara, sama ada dalam bidang kesihatan, pendidikan, keselamatan mahupun ekonomi. Hari Perkhidmatan Awam (HPA) menjadi medium untuk memberikan penghargaan kepada mereka yang telah berkhidmat dengan penuh komitmen dan integriti.

Di Negara Brunei Darussalam, HPA Ke-31 disambut pada Isnin, 30 September 2024 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Bandar Seri Begawan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi merasmikan dan sekali gus meraikan pencapaian serta komitmen Perkhidmatan Awam negara.

## Huraian tema

Tema Sambutan HPA mulai Tahun 2023 hingga Tahun 2025 ialah 'Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam, Pemangkin Kesejahteraan Negara' merupakan tahun kedua tema ini digunakan.

Tema ini mencerminkan aspirasi Perkhidmatan Awam yang dinamik yang memiliki kedayatahanan yang tinggi, sentiasa bersikap proaktif, responsif, inovatif dan tangkas serta mempunyai sikap perpaduan yang tinggi sesama warga Perkhidmatan Awam. Keberdayatahanan Perkhidmatan Awam yang berpaksikan keimanan dan ketakwaan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, adalah tunjang utama kepada Perkhidmatan Awam negara ini yang bersifat inovatif, responsif, prihatin dan siaga perubahan.

Kesepakatan, kerjasama dan saling hormat menghormati dalam pelbagai bidang berkeutamaan nasional akan terus terpahat dalam setiap diri Penjawat Awam selaras dengan calak orang Brunei yang sentiasa taat dalam berugama, beraja dan bernegara.

Tema juga bermaksud warga Perkhidmatan Awam sentiasa mempertingkatkan kredibiliti dan kompetensi serta mengekalkan budaya berprestasi tinggi, tampil berani dengan semangat jitu dalam menyahut cabaran-cabaran semasa serta sentiasa berpandangan jauh dan mengamalkan nilai-nilai yang luhur lagi murni bagi mengekalkan produktiviti kerja yang tinggi, di samping mengutamakan penjagaan kesihatan mental dan kesejahteraan di tempat kerja.

Itu juga memperlihatkan kerjasama yang erat dan bersepada di antara agensi-agensi kerajaan dan agensi yang berkepentingan bagi memacu ekonomi negara agar tetap berdaya tahan bagi mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.

## Pelancaran buku keluaran khas, persembahan syair

Sambutan tahun ini juga menyaksikan pelancaran 'Buku Keluaran Khas Jasawan Perkhidmatan Awam : Meneruskan Legasi Sultan Omar 'Ali Saifuddien III Tokoh Jasawan Negara'. Buku ini memperlihatkan pencapaian Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan kesinambungan usaha berterusan baginda dalam sama-sama mendukung pemerintahan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mengimbang kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada Sambutan HPA Ke-30 Tahun 2023, bertitah, "Beta menyambut baik dan menghargai sokongan Jawatankuasa Penilai Anugerah Penghargaan Khas Jasawan Perkhidmatan Awam kerana mengetengahkan paduka ayahanda beta, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, selaku tokoh besar 'Arkitek Brunei Moden'".

Dalam titah baginda juga menjelaskan, antara peristiwa penting dalam pemerintahan Al-Marhum ialah termaktubnya Perlembagaan Brunei dalam tahun 1959 yang membawa Brunei Darussalam berkerajaan sendiri.

"Sesungguhnya legasi kepimpinan Al-Marhum telah melakar pelbagai kemajuan yang dapat kita nikmati sehingga ke hari ini, khasnya bagi bidang-bidang utama, seperti ugama, pendidikan, pertahanan, pentadbiran awam dan kebijakan untuk rakyat dan penduduk. Kedayatahanan sektor awam

negara ini ternyata adalah berpaksikan *iltizam dan sumbangan Al-Marhum yang berimpak besar kepada kestabilan, kemakmuran dan kemajuan seumumnya*," titah baginda.

Selain itu, majlis juga dimeriahkan dengan Persembahan 'Syair Perlembagaan Negeri Brunei,' yang menambah elemen kebudayaan tradisional Brunei ke dalam acara rasmi tersebut.

## Pengiktirafan cemerlang kepada warga Perkhidmatan Awam

Seperti tahun-tahun sebelumnya, sambutan ini juga menjadi platform untuk mengiktiraf prestasi cemerlang penjawat awam melalui empat penganugerahan utama :

- Anugerah Inovasi Perdana (AIP).
- Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA).
- Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) iaitu merupakan anugerah kepada pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam dalam Bahagian II, Bahagian III, Bahagian IV dan Bahagian V. Penganugerahan ini merupakan anugerah yang diberikan setiap tahun, bertujuan untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Di samping itu, ia juga dihasilkan untuk mewujudkan dan menanai budaya kerja cemerlang dalam Perkhidmatan Awam.
- Anugerah Kakitangan Berjasa dan Berbakti Perkhidmatan Awam (AKB2PA) merupakan satu anugerah bagi menghargai jasa dan bakti kakitangan dalam Bahagian V sahaja yang menyumbangkan khidmat kepada organisasi dan masyarakat sekeliling.

## Aktiviti sampingan

Bagi menyemarakkan lagi Sambutan HPA seperti tahun-tahun sebelumnya, beberapa aktiviti keagamaan juga telah dianjurkan iaitu Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja yang diadakan 26 September 2024; Khutbah Jumaat bersempena HPA Ke-31 dan Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Membaca Doa Khas sempena Sambutan HPA Ke-31 yang diadakan pada Sabtu, 28 September 2024 di

masjid-masjid utama di seluruh negara iaitu di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Daerah Brunei dan Muara, Masjid Mohammad Jamalul Alam, Daerah Belait, Masjid Hassanal Bolkiah di Daerah Tutong dan Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad Salleh. Selain itu, beberapa aktiviti kesukanan juga telah pun dirancang iaitu Perlawanan Futsal bagi pegawai dan kakitangan lelaki yang akan dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Perlawanan Bola Jaring bagi pegawai dan kakitangan wanita yang akan dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Perlawanan Badminton bagi warga Perkhidmatan Awam yang akan dikendalikan oleh Jabatan Daerah Tutong, Perlawanan Dart bagi warga Perkhidmatan Awam yang akan dikendalikan oleh Jabatan Daerah Tutong bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama. Tarikh-tarikh bagi aktiviti-aktiviti tersebut akan dimaklumkan kemudian.

## Harapan Urus Setia Jawatankuasa Tertinggi HPA Ke-31

Urusetia Jawatankuasa Tertinggi berharap agar acara ini dapat memupuk perpaduan dalam kalangan penjawat awam dan meningkatkan semangat kerja cemerlang. Bagi pemenang-pemenang anugerah dan penerima penghargaan sama ada AIP, 3PSA, APCPA dan AKB2PA adalah diharapkan agar usaha murni dan prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan bukanlah semata-mata untuk meraih anugerah atau penghargaan, malah ia diharapkan untuk menjadi pencetus semangat serta mempertingkatkan lagi motivasi dan daya usaha untuk terus memperkembangkan kemahiran dalam mempertingkatkan lagi mutu prestasi dan kualiti kerja ke arah penambahbaikan dalam Perkhidmatan Awam seterusnya menjadi inspirasi kepada yang lain untuk terus menyumbang secara positif kepada Perkhidmatan Awam negara.

Dengan sokongan dan kerjasama padu daripada semua pihak, sambutan ini dapat menjadi landasan untuk mentransformasi Perkhidmatan Awam Brunei Darussalam ke arah yang lebih cekap, berkesan, dan berpaksikan rakyat bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti sepertimana yang diharapkan.

# Ceramah Khas : 'Menangani Gejala Mental'

Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir  
Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya,  
Waddeen Wassalaatu Wassalaamu  
'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa  
Muhammadin Wa'alaa 'Alihie Wasabhihee  
Ajma'een, Waba'du

**M**ENGADAP ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung kurnia perkenan untuk hamba Kebawah Duli Tuan Patik menuaikan hajat Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2024 bagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyampaikan Ceramah Khas bertajuk : 'Menangani Gejala Mental'. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga menjunjung kurnia izin dan perkenan untuk hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyampaikan ceramah ini dalam bahasa biasa sebagai kemudahan jua.

Mental berasal dari perkataan latin mens atau mentis yang bererti roh atau sukma atau jiwa. Jadi gejala mental bererti penyakit sukma atau penyakit jiwa.

Isu kesihatan mental semakin penting diperkatakan, terutama selepas pandemik COVID-19. Di negara kita sahaja, status terkini mengenai kesihatan mental, mencatatkan seramai 13,246 pesakit sedang mendapatkan rawatan di perkhidmatan psikiatri dan psikologi.

Di negara jiran Malaysia, menurut sumber media-media isu kesihatan mental turut dikaitkan dengan tingkah laku 'bunuh diri', di mana terdapat 631 kes dilaporkan pada tahun 2020 dan 1,142 kes dilaporkan pada tahun 2021. Jumlah kes bagi tahun 2021 menunjukkan peningkatan ketara iaitu sebanyak 81 peratus berbanding tahun 2020. Dan lebih membimbangkan lagi, gejala mental turut menular kepada golongan kanak-kanak. Di Malaysia, seorang daripada 20 orang kanak-kanak yang berusia 5 hingga 9 tahun dikatakan mengalami gangguan mental dan sehingga kini, Kementerian Kesihatan di sana telah merekodkan 424,000 kanak-kanak disahkan mengalami masalah mental.

Demikian menurut daptan dari media.

Pada 18 Jun 2022, Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres menyatakan bahawa hampir 1 billion penduduk dunia mengalami masalah mental, satu angka yang sangat tinggi menghampiri separuh dari keseluruhan penduduk dunia.

Ternyata di sini, gejala mental perlu ditangani. Ditangani dengan apa? Ditangani dengan merawatnya. Ya, amat mustahak untuk mengenal pasti 'cara' merawat itu.

Apakah cara itu sudah ada? Setakat ini, kita boleh katakan, sejak Abad Ke-19 lagi, dua cara rawatan sudah pun biasa dilakukan iaitu : (1) Rawatan psikiatri dan (2) Rawatan psikologi.

Rawatan psikiatri memfokus kepada diagnosis, perubatan dan pencegahan gangguan mental, emosional dan perilaku, melalui kaunseling, psikoterapi dan ubat-ubatan.

Sementara rawatan psikologi pula memfokus kepada para pakar membawa pesakit berbual-bual mengenai pemikiran, trauma dan tekanan emosi dan mencadangkan strategi untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Adalah rawatan psikologi itu lebih kepada terapi.

Inilah dua cara rawatan yang ada, yang sudah sekian lama digunakan, namun belum

pernah dirumus sebagai berjaya secara tuntas.

Nah di sini, tidakkah masih perlu bagi kita untuk melihat gandingan lain sebagai pelengkap kepada rawatan-psikiatri dan psikologi? Ya, perlu! Amat perlu berdasarkan gejala mental terus meningkat walaupun rawatan-psikiatri dan psikologi sudah sekian lama diperkenalkan.

Kita tidak menolak, sama sekali tidak menolak rawatan yang sedia ada, berupa terapi-terapi dan ubat-ubatan yang dicipta. Tetapi di samping kita juga perlu tahu bahawa penyakit mental pangkalnya adalah di hati. Hati dalam bahasa al-Qur'an ialah "قلب". Hati adalah penentu utama kesihatan mental. Jika hati sihat, mencerminkan perilaku yang baik. Sebaliknya jika hati sakit mencerminkan perilaku yang buruk. Menurut Imam Al-Ghazali, perilaku atau akhlak yang buruk merupakan penyakit hati dan gangguan kejiwaan.

Jadi gejala mental itu ialah hati yang sakit, yang perlu dirawat. Tetapi dengan apakah hati itu dirawat? Dengan ubat apa? Kalau rawatan biasa, tidak lain, kita akan merujuk kepada rawatan-psikiatri dan psikologi. Tetapi dua-dua cara rawatan ini tidak pernah atau belum pernah melibatkan 'Allah' selaku Maha Pakar Terapi dan Maha Penyembuh. Tentu sahaja para pakar terapi dan para pencipta ubat-ubatan belum pernah terlintas atau menyedari perkara ini, kerana dalam mencipta terapi dan ubat-ubatan mereka tidak menyemak atau berpandu kepada al-Qur'an.

Sedang untuk menangani gejala mental atau penyakit hati itu, al-Qur'an adalah sangat mustahak untuk dirujuk. Kerana bukankah penyakit mental pangkalnya di hati? Ya, hati yang tidak tenang dan resah gelisah, itulah gejala mental. Jadi apa hubungan perkara ini dengan al-Qur'an?

Jawabnya, sangat rapat hubungan itu. Kerana al-Qur'anlah yang memberitahu kita bahawa jika hati berombak, tidak tenang atau mengalami masalah, maka berubahlah dengan zikir, di mana kepala zikir ialah al-Qur'an. Firman Allah Subhanahu wata'ala :

**Tafsirnya** : "Ketahuilah! Dengan zikirullah itu, tenang tenteramlah hati-hati."

Hati yang bergelora yang sakit, manakala diubat dengan zikrullah lalu ia pun tenang, maka itulah kesembuhan. Satu contoh : Riwayat Ahmad, Al-Hakim dan At-Tirmizi, bahawa seorang arab kampung telah datang kepada Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dan berkata : "Wahai Nabi Allah, saya ada seorang saudara sedang sakit". Bertanya Nabi :

"Apakah penyakitnya?" Menjawab orang arab : "Dia sakit gila". Lalu Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam pun menyuruh supaya pesakit itu dibawa kepada Baginda. Baginda meruayahnya / menjampinya dengan ayat-ayat berikut :

1. Surah Al-Fatihah.
2. Surah Al-Baqarah :
  - Ayat-ayat 1 hingga 5.
  - Ayat-ayat 163 dan 164.
  - Ayat Al-Kursi dan tiga ayat terakhir.
3. Surah Âli 'Imrân ayat 18.
4. Surah Al-A'râf ayat 54.
5. Surah Al-Mu'minûn ayat 116.
6. Surah Al-Jinn ayat 3.
7. Surah Ash-Shâffât ayat 1 hingga 10.
8. Tiga ayat terakhir dari Surah Al-Hasyr.
9. Surah Al-Ikhlas
10. Surah Al-Falaq, dan
11. Surah An-Nas

Berkata ulama, ayat-ayat ini tidak hanya digunakan untuk meruayah orang gila tetapi juga untuk bermacam-macam penyakit lainnya.

Ini baru satu contoh Nabi merawat orang gila. Penyakit gila adalah seberat-berat gejala

mental.

Telah meriwayatkan Ibnu Adh-Dhurais daripada Sa'id bin Jubair, bahawa Sa'id pernah membaca Surah Yaasin ke atas seorang lelaki pesakit gila, lalu lelaki itu sembah.

Di zaman Sayyidina 'Umar bin al-Khatthab Radhiallahu 'anhу telah berlaku ke atas Qaisar Maharaja Rom tekanan mental kerana Raja itu mengalami sakit kepala yang luar biasa. Sudah habis para pakar, para doktor, para thabib di dalam negeri merawatnya, namun semuanya tidak berhasil. Lalu Raja pun menulis surat kepada Sayyidina 'Umar meminta, kalau-kalau dikalangan orang-orang Islam terdapat mereka yang pandai mengubat sakit kepala.

Sayyidina 'Umar tidak menghantar doktor atau merawat atau menghantar ubat untuk dimakan, tidak! Tetapi Sayyidina 'Umar cuma mengirim sebuah songkok untuk dipakai oleh raja. manakala songkok sampai kepada raja, raja pun memakainya. Sebaik-baik sahaja songkok dipakai, sakit kepala raja hilang. Betul-betul hilang. Tetapi apabila songkok dibuka atau ditanggalkan, maka sakit kepala raja berulang semula.

Perkara ini dibuat berkali-kali oleh raja, namun natijahnya tetap sama sahaja. Apabila songkok dipakai, hilanglah sakit kepala raja. Apabila dibuka, sakit kepala berulang semula. Kejadian ini mendatangkan musykil kepada raja, sehingga mendorong raja untuk memeriksa songkok, apa sebenarnya yang ada disebalik songkok? Setelah songkok diperiksa, raja mendapati, bahawa di dalam songkok itu rupa-rupanya terdapat secarik kertas bertuliskan kertas "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ".

Nah, kejadian ini, tidak diragukan lagi adalah satu isyarat jelas bahawa "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ" adalah penawar istimewa, khasnya ubat bagi gejala mental.

Malah, terdapat satu ungkapan di dalam kitab berbunyi : Barang siapa menulis "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ" sebanyak 35 kali dan digantung ia pada rumah, nescaya rumah itu tidak akan dimasuki oleh syaitan dan jin, dan orang itu dikurniakan keberkatan pada harta dan pendapatannya serta tidak akan didatangi oleh sebarang mudharat. Dan jika ia digantung pada kedai, nescaya bertambah-tambah laku kedai itu, serta dibutakan oleh Allah mata-mata orang jahat dan pendangki (yang ingin merosakkan peniagaan pemilik kedai).

Demikian karamah dan mukjizat ayat "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ".

Ini baru sepotong ayat "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ". Betapa jika seluruh al-Qur'an 30 Juz, semua itu adalah penawar belaka, sebagaimana Allah berfirman :

**Tafsirnya** : "Dan Kami turunkan dari al-Qur'an ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman".

Allah berfirman lagi :

**Tafsirnya** : "Wahai umat manusia, sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Qur'an selaku nasihat pengajaran dari Tuhan kamu dan menjadi penawar bagi penyakit-penyakit di dalam dada-dada kamu dan juga (menjadi) penyuluhan hidayah untuk keselamatan dan rahmat bagi orang-orang yang beriman".

Kedua-dua ayat di atas mengungkap kalimat "شفاء" yang merujuk kepada al-Qur'an sebagai شفاء, sebagai penawar, sebagai ubat dan sebagai penyembuh.

Saya ingin mengongsi satu kejadian yang benar-benar berlaku, mengenai seorang wanita, pesakit kerasukan. Kerasukan dalam istilah moden dipanggil ia hysteria, satu jenis gejala mental. Wanita ini dari zaman bujang



**MUFTI** Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menyampaikan Ceramah Khas dengan tema 'Menangani Gejala Mental' Majlis Ilmu 2024, sempena Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun dengan tajuk 'Menangani Gejala Mental' yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada Rabu, 18 September 2024.

**Teks :** Ihsan Jabatan Mufti Kerajaan  
**Foto :** Jabatan Penerangan

lagi sudah biasa mengalami kerasukan, malah berulang-ulang kali dirasuk. Sampai berkahwin dan mempunyai 3 orang anak pun, masih sahaja dirasuk, sehingga badannya sampai kurus dan lemah.

Suatu hari wanita ini kerasukan. Dia dirawat oleh seorang ustaz yang memang sudah biasa merawatnya. Kebetulan saya turut menyaksikan kejadian ini. Wanita itu menggelupur dan menjerit-jerit dan malah mahu menerkam perawat yang sedang membaca ayat-ayat al-Qur'an. Akhirnya pesakit kelihatan lemah dan sembah.

Saya mengambil kesempatan, bertanya kepada dua pihak. Satu kepada suami si pesakit, adakah dia dan isterinya biasa melazimi membaca al-Qur'an di rumah? Dia menjawab : Kadang-kadang sahaja. Kepada ustaz perawat pula saya bertanya : "Selepas ustaz merawat, apakah yang ustaz bekalkan kepada pesakit dan keluarganya?" Ustaz menjawab : Tidak ada apa-apa, selain saya berpuas hati yang pesakit sudah sembah.

Setelah mendengar jawapan kedua-dua pihak ini, saya menyarankan satu nasihat kepada suami supaya pada tiap-tiap hari melazimi membaca al-Qur'an, bukan kadang-kadang. Seeloknya dua-dua sekali (suami dan isteri) sama-sama membaca al-Qur'an, jangan sekali-kali cuti dari membaca al-Qur'an, kecuali perempuan jika uzur, tetapi suami jangan pula turut uzur. Saya anjurkan juga, bila sembahyang di rumah, laungkan azan terlebih dahulu, kerana azan bagi makhluk perasuk adalah ibarat bom berkuasa tinggi.

Kepada ustaz perawat pula, saya mencadangkan, selesai sahaja merawat, hendaklah membekalkan nasihat kepada pesakit dan keluarga untuk sentiasa membaca al-Qur'an siang atau malam, bukan hanya kadang-kadang. Kadang-kadang tidak cukup.

Jika ini dilakukan, insya Allah, makhluk perasuk tidak akan mampu untuk terus merasuk.

Ahmadulillah, Maha Benar Kalamullah al-Qur'an, selang beberapa lama setelah kejadian ini, maka kedengaranlah 'berita gembira', bahawa wanita yang biasa dirasuk berulang-ulang kali, seminggu ada dua minggu sekali, sudah berbulan malah bertahun tidak lagi didengar dia dirasuk, berkat mereka mengikuti nasihat membaca al-Qur'an pada tiap-tiap hari.

>> Muka 18

Nah tidakkah ini juga bukti jelas, bahawa perkhbaran Allah mengenai al-Qur'an selaku syifa : Penyembuh atau ubat atau penawar, khasnya bagi penyakit-penyakit dalam, penyakit jiwa, penyakit mental, penyakit serangan jin dan syaitan berupa kerasukan atau histeria adalah benar belaka. Sama-mata benar.

Izinkan saya terus mengongsi satu lagi kejadian benar.

Perbuatan mencuri adalah jenayah yang keji, berpunca dari akal yang tidak sihat. Orang mencuri ketika mencuri boleh dianggap sedang mengalami gejala mental. Kerana jika mental sihat orang tidak akan mencuri.

Seorang perempuan warga emas, ibu kepada seorang guru pinjaman di Sekolah Arab, pergi menunaikan haji secara berombongan dengan rakan-rakannya yang juga warga emas. Setelah selesai pekerjaan haji, mereka menunggu lagi beberapa hari sebelum pulang. Mereka di tempatkan dalam sebuah bangunan tiga tingkat. Dia ditempatkan di tingkat pertama, sementara rakan-rakannya ada yang di tingkat dua dan tiga.

Dia terkejut apabila mendapati, baki wangnya 90 dolar Singapura hilang. Dicarinya tetapi tidak berjumpa. Sedang,

inilah saja wangnya untuk belanja sementara menunggu hari pulang. Apa lagi upayanya - tidak ada, selain hanya bulat-bulat berserah kepada Allah dan untuk menenteramkan hati, dia membaca Surah Yâsin berulang-ulang kali. Lepas tamat sekali diulangnya lagi. Diulang dan terus diulang, sehingga sampai dia lupa (tidak ingat) berapa kalikah sudah dia membaca.

Ibu tua ini meneruskan ceritanya berkata : "Sedang saya asyik membaca surah ini (Yaasiin), tiba-tiba seorang dari kawan saya serombongan datang sambal menangis". Saya bertanya : Apa hal? Dia menjawab : Saya minta maaf banyak-banyak. Ampunkan saya, saya berdosa mengambil wang awak. Nah, ini saya pulangkan balik wang awak. Maafkan saya. Maafkan saya.

Sambil dia meminta maaf itu, tangisnya semakin kuat.

Sila perhatikan, ini tidak syak lagi adalah satu kejadian yang benar-benar menakjubkan, betapa bacaan Surah Yâsin sangat-sangat berkesan dan berpengaruh kepada hati yang tidak sihat, contohnya hati pencuri yang tidak sihat telah menjadi sihat dan bersih sehingga memulangkan semula wang yang dicuri.

Demikian berkat dan mukjizat al-Qur'an mampu untuk mengubat mental yang sakit yang tidak sihat menjadi sihat.

Saya masih ingat, ibu tua yang berkenaan mengakhiri ceritanya dengan menoleh kepada anaknya berkata : "Ini ustaz anak saya, dia yang mengajar saya, apa-apa jua jenis kesusaahan, banyakkanlah membaca Yâsin".

Mengambil sukut baik bersempena dengan majlis yang berkat ini adalah perlu bagi kita untuk mengimbas sejenak, titah raja kita, bersempena Menyambut 'Idul Adha 1444/2023, yang secara langsung ada kaitan dengan tema majlis kita pada hari ini. Titah tersebut antara lain berbunyi :

"... Mengenai gejala mental, beta telah pun mengikuti dan membaca dua ceramah utama oleh pihak kesihatan dan pihak ugama, di mana kedua-duanya mengemukakan pendekatan berbeza tetapi sama-sama mempunyai nilai signifikan yang boleh dijelmakan menjadi tindakan bersepadu mengenainya. Tetapi belum ada kedengaran usaha ke arah itu".

Tidak diragukan lagi, titah ini adalah menghendaki kita untuk merialisasikan tindakan bersepadu menengani ajalala mental. Maka demi mendukung titah, adalah perlu bagi kita untuk menjadikan Brunei Darussalam sebagai negara contoh : Merawat gejala mental dengan rawatan bersepadu yang terdiri dari rawatan sedia ada, psikiatri dan psikologi selaku

rawatan bumi dan rawatan ketuhanan sebagai pelengkap, iaitu yang terdiri dari ayat-ayat al-Qur'an, al-Hadits dan doa-doa, selaku rawatan langit.

Inilah dia rawatan bersepadu itu untuk diperkenalkan di pusat-pusat kesihatan atau hospital-hospital dalam negara kita yang tercinta ini. Adapun perlaksanaannya, kita boleh sahaja berbincang atau berunding, juga secara bersepadu di antara kementerian berkenaan dan pihak-pihak ugama dan lain-lain, bagaimana cara ke arah perlaksanaannya. Jika kita benar-benar serius, insya Allah rancangan ini pasti akan menjadi kenyataan. Dan jika ia menjadi kenyataan, maka kitalah satu-satunya negara di dunia yang akan mempunyai sistem rawatan mental bersepadu, rawatan bumi dan rawatan langit.

Ampun beribu ampun, sekian sahaja, sebelum hamba Kebawah Duli Tuan Patik mengundurkan diri, terlebih dahulu hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung ampun dan maaf, kiranya terdapat sebarang kejanggulan atau suruk langkah yang tidak disenghajakan.

*Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugeraha.

## MENGHUBUNGKAN PENGETAHUAN SAINTIFIK DAN KEBIJAKSANAAN AL-QURAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PARA penceramah semasa menyampaikan pembentangan masing-masing pada simposium berkenaan (atas). Manakala gambar atas kanan dan bawah kanan, suasana sekitar simposium tersebut yang berlangsung di ruang legar Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 29 September. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) dengan kolaborasi bersama Universiti Brunei Darussalam (UBD) hari ini menganjurkan simposium bertajuk 'In the Footsteps of Faith : Bridging Science and Spirituality in the Wisdom of Quran'.

Diadakan di ruang legar BKISHHB, para cendekiawan, penyelidik dan orang awam berpeluang untuk mendalami kefahaman sains melalui lensa rohani dalam simposium yang mencetuskan pemikiran menghubungkan pengetahuan saintifik dan kebijaksanaan Al-Quran yang memberikan panduan untuk kesejahteraan rohani yang juga mengandungi pengetahuan tentang dunia semula jadi.

Tujuan simposium diadakan adalah untuk meneroka persimpangan penemuan saintifik moden dengan ajaran kerohanian abdi dalam Al-Quran, menonjolkan bagaimana kedua-dua alam boleh bersatu untuk menangani cabaran global kontemporari.

Simposium dimulakan dengan ucapan alu-aluan dari Pengarah

dan Akidah', yang menyentuh bagaimana penemuan geologi moden sejarah dengan penerangan Al-Quran tentang pembentukan bumi, bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang hubungan antara sains dan iman.

Dr. Haja Norhayati menyampaikan mengenai 'Tumbuhan yang Disebut dalam Al-Quran : Refleksi Rujukan Al-Quran dalam Cahaya Pengetahuan Saintifik Semasa', menyerlahkan bagaimana sains kontemporari berpadu dengan huraiyan tumbuhan yang terdapat dalam Al-Quran dan menekankan kepentingannya untuk keseimbangan dan kelestarian ekologi.

Sementara itu, Dr. Hamzah pula menyampaikan ceramah mengenai 'Keperluan Kebajikan dan Integrasi Akhlak dalam Pendidikan untuk Masa Depan Mampan', mengkaji bagaimana menggabungkan nilai murni dan moral dalam pendidikan adalah penting untuk mewujudkan dunia yang mampan, mengambil daripada prinsip Al-Quran untuk menekankan peranan manusia sebagai penjaga bumi.

Pembentangan diakhiri dengan Awang Haji Muhammad Ruzaini yang menyampaikan 'Manifestasi Sumber Asli Melalui Inovasi dan Kreativiti', mempamerkan rujukan Al-Quran kepada sumber asli dan aplikasi inovatifnya dalam artifak dan bagaimana proses kreatif ini mencerminkan bakat manusia yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'alá.

Selesai pembentangan, para peserta simposium mengambil bahagian dalam sesi soal jawab, yang menyentuh pelbagai tema, termasuk ajaran Al-Quran dalam perbincangan saintifik kontemporari dan aspek etika pembangunan mampan.

Mengakhiri majlis, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain menyampaikan tanda penghargaan kepada para penceramah dan moderator.

Kemudian diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan oleh Dr. Haji Abdul Hanif kepada para penceramah, moderator dan



raporteur atas sumbangan mereka kepada simposium yang diadakan.

Acara diakhiri dengan lawatan ke sembilan galeri di BKISHHB, memberikan para hadirin peluang untuk menerokai ilmu khazanah warisan Islam.

Menurut Dr. Haji Abdul Hanif, acara tersebut bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama dan persefahaman bersama antara UBD dan BKISHHB.

Simposium ini katanya, memperkayakan usaha pendidikan dan budaya kita untuk menjadi tunggak ilmu dan warisan

dalam masyarakat Brunei selain melibatkan diri dengan masyarakat juga meningkatkan pengayaan budaya, memupuk masyarakat yang menghargai penyelidikan saintifik dan kebijaksanaan rohani.

Beliau menambah bahawa ia memudahkan dialog bermakna yang memperdalam pemahaman tentang bagaimana sains dan kerohanian bersilang melalui ajaran Islam, memberi inspirasi kepada pertumbuhan intelek dan pencerahan rohani untuk semua peserta.





**WASHINGTON**, 29 Sept. - SpaceX pada Sabtu berjaya melancarkan kapal angkasa Crew 9 dari Stesen Angkatan Angkasa Cape Canaveral di Florida untuk membawa pulang dua angkasawan yang terkandas di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS), lapor United Press International (UPI).

Kapal angkasa berkenaan yang membawa angkasawan NASA Nick Hague dan angkasawan Rusia, Aleksandr Gorbunov berlepas seperti yang dirancang, didorong ke angkasa oleh roket dua peringkat

# SPACEX LANCAR KAPAL ANGKASA UNTUK BAWA PULANG ANGKASAWAN TERKANDAS

Falcon 9 yang boleh digunakan semula milik SpaceX.

Kapal angkasa syarikat yang berpangkalan di California itu berlepas mengikut jadual dari Pad 40 pada 1.17 tengah hari EDT. Hanya lebih dua minit selepas pelancaran, peringkat pertama roket Falcon 9 itu melengkapkan pencucuhan, dipisahkan dari peringkat kedua dan mendarat di Zon Pendaratan 1 Cape Canaveral.

Pelancaran Falcon 9 dari Pad 40 itu adalah yang pertama bagi penerbangan manusia ke angkasa. Anggota kru yang menaiki Dragon milik SpaceX biasanya berlepas

dari Pad 39A di Pusat Angkasa Kennedy namun kerja-kerja sedang dijalankan di lokasi itu.

Pelancaran itu ditangguhkan dari Khamis kerana angin kencang dan hujan akibat Taufan Helene di kawasan berkenaan. Kapsul itu dijangka tiba di ISS pada kira-kira 5.30 petang ET Ahad dan akan berada di stesen angkasa berkenaan selama enam bulan.

Ini merupakan penerbangan kedua Hague ke ISS, selaku komander misi dan kolonel dalam Angkatan Angkasa Amerika Syarikat (AS). Ia adalah

penerbangan pertama ke angkasa bagi Gorbunov. Pada penghujung Ogos, NASA mengesahkan bahawa ia mengurangkan saiz kru daripada empat kepada dua.

Agensi angkasa itu membuat keputusan berkenaan untuk memberi laluan kepada pemulangan angkasawan pesawat angkasa Starliner Boeing yang terkandas.

Misi membawa kru pertama kapal angkasa Boeing itu berakhir dengan kekecewaan bagi angkasawan Butch Wilmore dan Suni Williams selepas penerbangan ujian selama seminggu. Mereka kini dijadualkan pulang ke Bumi pada Februari. Starliner Boeing kembali ke Bumi tanpa kru awal bulan ini. - ©BERNAMA

## Mpox : Pesakit sihat dan stabil, akan ditamatkan tempoh isolasi - Dr Dzulkefly

**PUTRAJAYA**, 28 Sept. - Seorang pesakit yang disahkan positif cacar monyet atau mpox varian clade II pada 16 Sept lepas kini semakin sihat dan berada dalam keadaan stabil, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Beliau berkata individu itu menunjukkan perkembangan positif dan dalam proses menamatkan tempoh isolasi selepas disahkan positif mpox pada 16 Sept lepas.

"Pesakit kini dalam tempoh pengasingan (isolasi), keadaannya stabil dan sihat. Kita (Kementerian Kesihatan) akan tamatkan tempoh isolasi beliau. Kita akan beritahu (tempoh isolasi tamat)," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program Gotong Royong Mega Perangi Aedes 2.0, 1 Hour Malaysia Clean Up dan Hari Cuci Malaysia di sini hari ini.

Pada 17 Sept lepas Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan dilaporkan berkata KKM telah mengesan satu kes positif mpox

varian clade II pada 16 Sept, yang dikesan daripada 58 kes disyaki mpox yang dirujuk kepada Kementerian Kesihatan (KKM) sepanjang tahun ini.

Dr Dzulkefly berkata tiada kes baharu mpox dalam negara direkodkan setakat ini, dan berhubung vaksin penyakit itu pula, pihaknya sedang menunggu ketibaan bekalan vaksin MVA-BN, yang dikhurasukan kepada kumpulan berisiko tinggi, termasuk petugas kesihatan serta kontak rapat kes yang disahkan.

Sementara itu merujuk kepada pembiakan Aedes di negara ini Dr Dzulkefly berkata perubahan iklim menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi pembiakan nyamuk itu, dengan proses pembiakkannya menjadi sangat aktif apabila berlaku perubahan iklim, kerana terdapat perubahan suhu ketara.

Semalam KKM melaporkan keadaan cuaca memainkan peranan penting dalam penularan demam denggi kerana ia mempengaruhi habitat dan

kelangsungan hidup nyamuk Aedes Aegypti, dan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) pula dalam kenyataan baru-baru ini memaklumkan fasa peralihan monsun bermula pada 24 Sept lepas dan dijangka berterusan sehingga bulan November ini.

Sehingga Minggu Epidemiologi ke-38 (ME38) iaitu bagi tempoh 15 Sept hingga 21 Sept lepas, KKM melaporkan terdapat 1,514 kes demam denggi dengan dua kematian direkodkan akibat komplikasi demam denggi.

Merujuk kepada data tersebut, Dr Dzulkefly berkata KKM akan memperkasakan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi melalui pejabat kesihatan daerah, klinik kesihatan dan pasukan sukarelawan Komunikasi untuk Perubahan Tingkahlaku (COMBI).

Antara aktiviti yang dijalankan KKM adalah pemantauan kawalan vektor, pemeriksaan tempat pembiakan Aedes dan jalinan kerjasama dengan pelbagai agensi. - ©BERNAMA

## Selatan Lubnan mungkin jadi 'Gaza kedua' dalam konflik Israel-Iran - Ketua dasar luar EU

**LONDON**, 28 Sept. - Ketua dasar luar Kesatuan Eropah (EU) Josep Borrell pada Jumaat memberi amaran serius mengenai nasib selatan Lubnan yang mungkin menjadi satu lagi Gaza akibat konfrontasi antara Israel dan Hizbulah yang disokong Iran, lapor Agensi Anadolu.

"Mungkin Selatan Lubnan juga sedang menjadi satu lagi Gaza, menjadi medan pertempuran konfrontasi antara Israel dan Iran," kata Borrell semasa ucapannya pada sesi ke-79 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di New York.

Menekankan konflik Israel-Iran yang semakin mendalam di Lubnan, Borrell berkata negara itu semakin menjadi medan pertempuran dalam perjuangan serantau yang lebih luas, menyebabkan masyarakat Lubnan "terperangkap" dalam konfrontasi berkenaan.

Borrell berkata Lubnan mungkin tidak lama lagi akan mengikuti nasib Gaza apabila konflik Israel-Iran semakin memuncak di rantau itu.

"Kita akan masuk ke dalam

kitaran tidak berkesudahan," kata Borrell, menekankan bahawa laluan semasa konflik boleh memperdagai ketidakstabilan di seluruh rantau itu.

Bercakap mengenai konflik berterusan antara Israel dan Hamas, Borrell menuduh kepada ketidakupayaan masyarakat antarabangsa khususnya Amerika Syarikat (AS) untuk mendapatkan gencatan senjata walaupun memiliki pengaruh besar di rantau itu.

"Presiden (AS) (Joe) Biden mengumumkan beberapa minggu lalu bahawa beliau mempunyai rancangan, rancangan Israel, namun tiada persetujuan dicapai," kata Borrell, menekankan kuasa dan pengaruh AS, yang tidak berjaya membawa keamanan.

Borrell menekankan keperluan mendesak untuk menilai semula strategi perdamaian, dengan menyokong usaha segera ke arah penyelesaian dua negara, bukannya menunggu gencatan senjata yang mungkin tidak pernah berlaku.

"Jika anda mahu membina penyelesaian dua negara, jangan tunggu gencatan senjata. Mulakan

usaha dari sekarang," tegas Borrell, sambil menyatakan pendekatan "menghentikan perang dahulu dan kemudian mulakan keamanan" tidak berkesan berdasarkan realiti di lapangan.

Menurut Borrell, Gaza boleh berubah menjadi huru-hara setanding dengan Somalia, yang telah dilanda ketidakamanan selama bertahun-tahun, manakala Tebing Barat berisiko menjadi Gaza kedua.

Israel telah membedil Lubnan sejak pagi Isnin, mengorbankan lebih 700 orang dan mencederakan hampir 2,200 yang lain, menurut angka yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Lubnan.

Kementerian itu juga berkata bahawa bilangan kematian di Lubnan sejak Oktober lepas ialah 1,540 orang manakala lebih 77,000 orang kehilangan tempat tinggal dari bahagian selatan dan timur negara itu.

Hizbulah dan Israel telah terlibat dalam konfrontasi sejak bermulanya serangan rejim Zionis ke atas Gaza, yang telah meragut lebih 41,500 nyawa kebanyakannya wanita dan kanak-kanak, sejak 7 Okt lepas. - ©BERNAMA

## 6 maut, Rwanda berdepan wabak virus Marburg

**KIGALI**, 29 Sept. - Rwanda mengesahkan enam kematian akibat penyakit virus Marburg (MVD) di tengah-tengah wabak yang telah menjelaskan 26 orang di seluruh negara, lapor Xinhua.

Bercakap pada Sabtu malam dalam siaran di Televisyen Rwanda, Menteri Kesihatan Rwanda Sabin Nsanzimana mendedahkan bahawa mangsa dan kebanyakan yang dijangkiti adalah pekerja kesihatan. "Enam orang telah meninggal dunia akibat MVD, dan majoriti daripada mereka adalah petugas perubatan," kata Nsanzimana.

Beliau menekankan bahawa Kementerian Kesihatan, dengan kerjasama rakan kongsi berkaitan, sedang berusaha tanpa henti untuk membendung virus maut itu melalui pengesanan kontak dan pengasingan individu yang dijangkiti.

"Kami menggesa rakyat Rwanda untuk kkal berwaspada dan meningkatkan langkah pencegahan dengan memastikan kebersihan, mencuci dengan sabun, sanitasi tangan, dan mengelakkan kontak dengan individu yang dijangkiti," katanya lagi.

Pada Jumaat, Kementerian Kesihatan menyertu langkah pencegahan dipertingkatkan berikutkan kes yang disahkan virus Marburg. Dalam satu kenyataan, kementerian itu menggariskan usaha berterusan untuk membendung penularan virus yang telah menyebabkan beberapa pesakit dimasukkan ke hospital.

Pihak berkuasa telah melaksanakan protokol pencegahan yang lebih ketat di semua kemudahan kesihatan, termasuk pengesanan kontak yang teliti, dan pesakit yang dijangkiti telah diasingkan untuk rawatan.

Kementerian Kesihatan menjelaskan bahawa MVD disebarluaskan melalui kontak langsung dengan darah atau cecair badan individu yang dijangkiti dan bukan melalui udara.

Kementerian itu menasihatkan sesiapa yang mengalami simptom seperti demam panas, sakit kepala yang teruk, muntah, sakit otot, atau sakit perut untuk menghubungi Pusat Bioperubatan Rwanda atau mengunjungi kemudahan kesihatan terdekat. Sambil memantau situasi dengan teliti, pihak berkuasa menggesa orang ramai untuk kkal tenang dan meneruskan aktiviti harian seperti biasa. - ©BERNAMA

## Penyelia kilang rugi lebih RM1 juta terperdaya tawaran perniagaan dalam talian

**JOHOR BAHRU**, 28 Sept. - Seorang penyelia kilang mengalami kerugian RM1.04 juta akibat terperdaya dengan sindiket penipuan dalam talian, selepas berkenalan dengan individu tidak dikenali melalui aplikasi TikTok pada akhir Julai lepas.

Ketua Polis Johor Datuk M Kumar berkata wanita berusia 47 tahun yang kemudiannya berkomunikasi di aplikasi Line, telah ditawarkan perniagaan dalam TikTok Mall dengan menjanji pulangan tinggi, mudah dan cepat.

Beliau berkata individu itu meyakinkan mangsa bahawa dia hanya perlu memilih jenis barang yang ingin dijual dan mendahulukan wangnya bagi barang yang ditempah pelanggan.

"Wang itu kononnya akan dikembalikan kepada mangsa dengan kadar keuntungan 20 hingga 30 peratus, selepas pelanggan membuat pembayaran.

"Mangsa yang berminat dengan tawaran itu memilih untuk menjual barang susu bayi dan diberi pautan untuk melihat tempahan yang dibuat pelanggan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Kumar berkata mangsa kemudiannya dihubungi seorang individu yang memperkenalkan diri sebagai operator TikTok dan dia diarahkan membuat pembayaran atas nilai tempahan yang diterima.

"Seterusnya, mangsa melakukan pembayaran pertama ke atas akaun bank yang diarahkan dan menerima kembali wangnya berserta 50 peratus keuntungan pada tarikh sama (akhir Julai), iaitu lebih tinggi daripada kadar yang dijanjikan sehingga membuat dia percaya perniagaan itu adalah betul.

"Mangsa yang percaya tempahan pelanggan semakin meningkat selain mahu mendapat keuntungan lebih tinggi telah mengikut arahan yang diberikan, dengan membuat pembayaran ke pelbagai akaun bank secara berperingkat berjumlah RM1,041,100, bermula akhir Julai hingga bulan ini," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata mangsa tidak menerima semula bayaran yang dibuat serta keuntungan dijanjikan menyebabkan dia mengesyaki telah ditipu, malah individu berkenaan gagal dihubungi dan segala komunikasi di antara mereka juga telah dipadamkan.

"Mangsa kemudiannya membuat laporan polis semalam dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksian," katanya. - ©BERNAMA

**A**MALAN gaya hidup yang sihat dapat di definisikan sebagai satu amalan kehidupan yang boleh memberikan kesan yang positif kepada diri seseorang secara khususnya dan juga kepada masyarakat secara amnya.

Kecenderungan ke arah mempraktikkan gaya hidup yang sihat sudah pasti menjadikan hidup seseorang itu lebih ceria dan optimum sudah setentunya dapat mencapai matlamat hidup yang lebih seimbang.

Amalan ini juga merupakan cara yang terbaik untuk membantu meningkatkan kesihatan diri dan kesejahteraan semua masyarakat selain mampu menyumbang ke arah meningkatkan produktiviti kehidupan.

Pelbagai cara atau tindakan yang boleh dilakukan jika seseorang itu ingin mengamalkan gaya yang hidup yang sihat. Salah satunya adalah melakukan aktiviti riadah, bersenaman, bersukan dan apa sahaja aktiviti yang berkaitan dengan kecergasan.

Aktiviti bersukan ini boleh dilakukan secara bersendirian atau bersama keluarga ketika masa lapang.

Menurut pakar perubatan, kekerapan melakukan aktiviti sukan ini mampu menjadikan sistem peredaran darah manusia lebih baik sekali gus meningkatkan sistem imunisasi tubuh seseorang itu.

Seseorang itu boleh melakukan aktiviti-aktiviti sedemikian tidak kira *indoors* ataupun *outdoors*, tergantung kepada pilihan dan keselesaan masing-masing, yang penting adalah tubuh kita bergerak untuk melakukan kecergasan fizikal.

Kita sebagai individu yang bijak perlu menerapkan gaya hidup yang sihat dalam kehidupan sehari-hari. Jangan kita sesekali memandang enteng tentang kepentingan amalan gaya hidup yang sihat kerana jika kita meremehkan hal tersebut, ia akan menjelaskan kesihatan kita dan memberi impak yang negatif dalam produktiviti hidup kita sehari-hari.

Oleh itu, setiap lapisan masyarakat daripada pelbagai peringkat hendaklah sentiasa



## Aktiviti kecergasan beri impak positif dalam kehidupan



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman  
Foto : Ihsan Elite Alpha Fitness

mengutamakan kesihatan dalam kehidupan sehari-hari. Dengan memiliki masyarakat yang aktif dan cergas, secara tidak langsung memberikan impak kepada kemajuan dan pembangunan negara.

Di Negara Brunei Darussalam, pusat-pusat kecergasan atau gim sudah banyak bertapak dan menawarkan perkhidmatan yang banyak untuk orang ramai melakukan aktiviti kecergasan. Gim-gim ini kebanyakannya terletak di pusat-pusat komersial dengan mengetengahkan pelbagai konsep atau program-program kecergasan.

Menurut Mohd. Sufi Shayiran bin Haji Roslan yang merupakan Pengasas Elite Alpha Fitness yang juga Ketua Jurulatih Kecergasan, perkembangan aktiviti kecergasan di negara ini semakin mengembang dan ia dapat dilihat melalui meningkatnya

penyertaan serta penganjuran sukan yang telah diadakan.

Mula ditubuhkan pada tahun 2020, Elite Alpha Fitness yang terletak di Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam tertubuh disebabkan oleh minat yang mendalam terhadap sukan dan beliau juga merupakan bekas atlet negara yang telah banyak memberikan sumbangan kepada negara, dari sana timbul niat untuk berkongsi minat dalam sukan kecergasan kepada orang ramai. Beliau percaya, kelebihan dalam melakukan kecergasan ini memberi impak yang positif pada diri dan sosial.

Pada masa ini, Elite Alpha Fitness khusus menawarkan lebih kepada Functional Fitness dan perkhidmatan yang ditawarkan ada empat iaitu Kelas kecergasan berkumpulan; Latihan Individu / Persendirian; Penggunaan gim persendirian dan Program-

program khusus seperti Weight Loss Programme.

Menurut Mohd. Sufi Shayiran, kelebihan Functional Fitness lebih memfokuskan kepada latihan untuk meningkatkan kekuatan otot dan juga kardio. Hasil yang ingin dicapai daripada latihan tersebut adalah untuk meningkatkan kualiti hidup pelanggan terutamanya dalam kehidupan sehari-hari seperti berjalan, mengangkat barang dan sebagainya.

Tambahnya lagi, dalam konteks pembangunan beliau dalam aspek amalan gaya hidup sihat, belia berperanan penting dalam mempromosikan gaya hidup sihat kerana belia merupakan pihak yang berkepentingan terhadap pembangunan negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Jika gaya hidup sihat diperlakukan dan diterapkan dalam kehidupan sehari-hari oleh para belia, ia akan memberi pengaruh yang positif kepada belia yang lain bahawa pentingnya menjaga kesihatan demi mencapai masa

depan yang cerah bukan sahaja bergantung kepada pencapaian akademik mahupun kemajuan kerjaya," jelasnya.

Dalam konteks keusahawanan pula, menurut beliau, jika ada minat serta peluang untuk mencebur dalam bidang keusahawanan, jangan dilepaskan dan terus sahaja maju dengan membuat tindakan serta keputusan yang bijak. Dalam dunia keusahawanan memang akan ada turun dan naiknya, tapi itu semua merupakan proses pembelajaran. Jika gagal cuba lagi dan jangan patah semangat. InsyaaAllah, kerja keras dan niat yang baik akan mendatangkan hasil yang baik serta diterima oleh pelanggan.



# PEMENANG KEJOHANAN BOLA JARING SEMPENA HARI GURU DIRAIKAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 29 September. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Brunei Darussalam (BNA) mengadakan Peringkat Akhir Kejohanan Bola Jaring bersempena dengan Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024 di Atrium Sekolah Sukan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para

pemenang ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Kejohanan dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori Beginners dengan penyertaan sebanyak tujuh pasukan dan Kategori Terbuka dengan penyertaan sebanyak 11 pasukan.

Penyertaan bagi kejohanan ini telah dibukakan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan termasuk tenaga pengajar yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal

Ehwal Ugama (KHEU) iaitu bagi Jabatan Pengajian Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Pasukan Sarjana dan Kumpulan IPT masing-masing diumumkan sebagai johan dalam Kategori Beginners dan Kategori Terbuka Peringkat Akhir Kejohanan Bola Jaring sempena Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024.

Manakala naib johan dalam kedua-dua kategori itu ialah Pasukan UBD Netters dan Kumpulan JPI sementara tempat ketiga dalam Kategori Beginners dan Kategori Terbuka, masing-masing dimenangi oleh Pasukan JPKhas Netball Team dan Pasukan Rouge.

Kejohanan Bola Jaring yang diadakan adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk perasaan muhibah dalam kalangan pegawai, guru dan kakitangan di Kementerian Pendidikan dan KHEU.

**SETIAUSAHA** Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang (kanan dan atas kanan). Sementara gambar kiri, aksi pada kejohanan tersebut.



## SMSS juara Kejohanan Futsal sempena Hari Guru Ke-34



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (atas), manakala gambar bawah kanan, antara aksi pada kejohanan berkenaan.

**TUNGKU LINK**, Ahad, 29 September. - Pasukan Seri Mulia Sarjana School (SMSS) muncul juara setelah menewaskan Pasukan Kluster 2 melalui sepakan penalti 3 - 2 pada Peringkat Akhir Kejohanan Futsal sempena Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024 berlangsung di Dewan Tertutup, Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (UBD), hari ini.

Tempat ketiga disandang oleh Pasukan Guru-guru Ugama Jabatan Pengajian Islam (JPI) setelah menewaskan Pasukan Kluster 5A dengan kiraan 4 - 1.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada

para pemenang ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Kejohanan Futsal ini merupakan salah satu aktiviti sukan dan riadah yang dianjurkan untuk menyemarakkan dan memeriahkan lagi Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024. Sebanyak 28 pasukan telah menyertai kejohanan ini, di mana empat buah pasukan telah bertanding di peringkat akhir hari ini.

Penyertaan bagi kejohanan ini telah dibukakan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan termasuk tenaga pengajar yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal

Ehwal Ugama (KHEU) iaitu bagi JPI, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Antara tujuan kejohanan ini adalah untuk menggalakkan warga Kementerian Pendidikan dan KHEU bergiat aktif serta berdaya saing dalam sukan. Selain itu, kejohanan ini diharap dapat memupuk semangat harmoni dan silaturahim dalam kalangan kedua-dua kementerian tersebut.

Kejohanan Futsal ini dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan selaku Jawatankuasa Acara-acara Sukan bagi Sambutan Hari Guru Ke-34, Tahun 2024.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



# PERLAWANAN KEJOHANAN WUSHU REMAJA DUNIA KALI KE-9 BERAKHIR



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Muliak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama pemenang Boy's Qiangshu 'A'.

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan  
Foto : Azmah Haji Ahad, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

**BERAKAS**, Ahad, 29 September.

- Hari terakhir Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 berlangsung hari ini di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Sebanyak lapan Acara Toulu telah diadakan iaitu Boy's Gunshu 'C', Boy's Qiangshu 'A', Girl's Gunshu 'C', Girl's Qiangshu 'C', Girl's Qiangshu 'A', Boy's Qiangshu 'C', Boy's Nangun 'C' dan Girls's Nangun 'C'.

Pada Acara Girl's Qiangshu 'A', Wun Teng Chang dari Macau, China telah meraih pingat emas, manakala Lyvia Le Xuan Phua dari Singapura mendapat pingat perak dan pingat gangsa diraih oleh Kylie Suyoto Kwok dari Indonesia.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian pingat ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid. Penyampaian maskot pula disampaikan oleh Pengurusan Besar Bank of China (BOC), Dr. Li Feng.

Bagi Acara Boy's Qiangshu 'A' pula, Joshua Priya Gonardi dari Indonesia beraksi cemerlang sekali gus merangkul pingat

emas. Manakala Xin Yun Chua dari Singapura meraih pingat perak sementara pingat gangsa disandang oleh Cheng Rui Gao dari Kanada.

Majlis penyampaian pingat disampaikan oleh Duta Besar Istimewa dan Muliak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo dan maskot disampaikan oleh Naib Presiden Persatuan Wushu Brunei Darussalam, Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Rahman yang juga selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Eksekutif Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024.

Sementara itu, bagi Acara Boy's Gunshu 'C', pingat emas dimenangi oleh Tian Long Aaron Lim dari Singapura, pingat perak disandang oleh Jing Chen Zeng dari Macau, China dan pingat gangsa diraih oleh Ching Hau Ho dari Hong Kong.

Pingat disampaikan oleh Bendahari Persekutuan Wushu Antarabangsa (IWUF), Ang Mong Seng dan maskot disampaikan oleh Presiden Persatuan Wushu Brunei Darussalam, Lim Boon Hwa.

Untuk Acara Girl's Gunshu 'C', Ariella Leyao Liuchen dari New Zealand telah meraih pingat emas. Manakala, Seleny Simone Nagy dari Hong Kong mendapat pingat perak dan pingat gangsa diraih oleh Yomna Mohamed Ibrahim Sonbol dari Republik Arab Mesir.

Pingat bagi Acara Taolu Girl's Gunshu 'C' disampaikan oleh Naib Presiden IWUF, Awang Sherif Mostafa dan maskot disampaikan oleh Lim Boon Hwa.

Acara Taolu yang lain pula, pingat emas bagi Girl's Qiangshu 'C' dimenangi oleh Piper Danielle Tirtio dari Indonesia, pingat perak disandang oleh Hou leng Cai dari Macau, China dan pingat gangsa diraih oleh Annie Schur Chen dari Republik Perancis.

Pingat disampaikan oleh Ahli Lembaga Eksekutif IWUF, Sonia Grindeanu dan maskot disampaikan oleh Dr. Muhammad Firdaus.

Bagi Acara Boy's Qiangshu 'C', Lucas Wing Hei Yip dari Hong Kong meraih pingat emas, sementara itu, pingat perak dimenangi oleh Morven Yan Hao Phua dari Malaysia dan pingat gangsa disandang oleh Eason Yukun Gao dari Kanada.

Pingat bagi Acara Boy's Qiangshu 'C' disampaikan oleh Awang Anthony Goh manakala penyampaian maskot disampaikan oleh Awang Lim Boon Hwa.

Untuk Acara Boy's Nangun 'C' pula, pingat emas dimenangi oleh Tran Phong Anh dari Viet Nam dan pingat perak disandang oleh Fengze Chan dari Macau, China.

Pingat disampaikan oleh Dr. Muhammad Firdaus dan seterusnya maskot disampaikan oleh Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly selaku Naib Pengurus Jawatankuasa Kerja.

Manakala Acara Girl's Nangun 'C', Kolette Kooc dari Amerika Syarikat meraih pingat emas dan pingat perak dimenangi oleh Sana Panahidorcheh dari Republik Islam Iran.

Pingat disampaikan oleh Presiden Persatuan Wushu Brunei Darussalam dan maskot disampaikan oleh Timbalan



YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa sesi bergambar ramai bersama para pemenang bagi salah satu acara Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9.

Pengarah Belia dan Sukan.

Sementara itu dalam Acara Sanda yang berlangsung di Dewan Serbaguna, KSNHB pagi tadi menyaksikan sebanyak 12 kategori dipertandingkan terdiri daripada Boy's Group Children 48 kilogram (kg); Boy's Group Children 52kg; Girl's Group Junior 48kg; Girl's Group Junior 52kg; Girl's Group Junior 56kg; Girl's Group Junior 60kg; Boy's Group Junior 48kg; Boy's Group Junior 52kg; Boy's Group Junior 56kg; Boy's Group Junior 60kg; Boy's Group Junior

65kg dan Boy's Group Junior 70kg.

Sebanyak 50 buah negara menyertai Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 yang berlangsung selama lima hari bermula dari 25 September yang lalu.

NBD berjaya mendapat tempat kesembilan secara menyeluruh iaitu mengikut jumlah pingat-pingat yang dimenangi dalam penyertaan bagi Acara-acara Taolu dan berjaya mengutip sebanyak lapan pingat iaitu tiga pingat emas, tiga pingat perak dan dua pingat gangsa.

## Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 labuh tirai

Oleh : Khartini Hamir

>> Muka 24

Majlis diselajurkan dengan menyaksikan tayangan video penghargaan kepada para sukarelawan di kejohanan berkenaan, diikuti dengan upacara penyerahan bendera kepada People's Republic of China, Tianjin City selaku bakal tuan rumah bagi kejohanan tersebut oleh Dr. Muhammad Firdaus kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang kemudian menyerahkan kepada Naib Presiden IWUF, Sherif Moustafa dan diserahkan kepada Naib Presiden Chinese Wushu Association People's Republic of China, Tianjin City, Chen Chong.

Majlis turut menyaksikan Persembahan Wushu dari Tianjin City, diikuti persembahan tarian daripada Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan; Tarian Aduk-Aduk daripada Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Tarian Joget dan Persembahan Lagu Tema 'Young Wushu Warriors' oleh PGS RMF Music Academy.

Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 merupakan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Persekutuan Wushu Brunei Darussalam yang telah diadakan bermula pada 25 hingga 29 September 2024.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan iaitu Acara Taolu yang diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dan Acara Sanda yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Edisi kejohanan kali ini telah mempertemukan seramai 931 peserta yang terdiri daripada 507 atlet, 220 pegawai pasukan dan 204 pegawai teknikal dan pemerhati daripada 50 negara yang ikut serta iaitu Algeria, Armenia, Australia, Belgium, Benin, Brazil, Bulgaria, Kanada, Republik Rakyat China, Czechia, Egypt, Perancis, Great Britain, Georgia, Jerman, Hong Kong, Indonesia, India, Republik Islam Iran, Iraq, Itali, Jepun, Jordan, Kazakhstan, Republik Korea, Kuwait, Republik Demokratik Rakyat Lao, Lebanon, Lithuania, Macau, Malaysia, Mexico, New Zealand, Filipina, Palestin, Portugal, Romania, Senegal, Singapura, Sri Lanka, Switzerland, Turkmenistan, Chinese Taipei, Tunisia, Turkiye, Ukraine, Amerika Syarikat, Uzbekistan, Viet Nam dan Negara Brunei Darussalam (NBD) selaku penganjur Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024.

Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 ialah acara kejohanan dunia rasmi yang dianjurkan oleh IWUF.

Kejohanan Wushu Remaja Dunia berlangsung setiap dua tahun dan merupakan kejohanan remaja kemuncak rasmi IWUF dan menampilkan tahap daya saing tertinggi dalam kalangan atlet remajanya.

Hadir sama ke majlis berkenaan ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnun bin Pengiran Haji Ali Hassan, selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Eksekutif Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024; Naib Presiden Persatuan Wushu Brunei Darussalam selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Eksekutif Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; wakil Majlis Olimpik Kebangsaan NBD; Lembaga Eksekutif IWUF dan Jawatankuasa Kerja Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024.

## Sukan Ria erat silaturahim ibu bapa, tenaga pengajar sekolah

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Haji Abdul Azim@Haji Mu'az Haji Tujoh



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pelancaran acara berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 September. - Sekolah-sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) pagi tadi

mengadakan Sukan Ria bagi Tahun 2024 berlangsung di Padang 'B', Kompleks Sukan Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

dan menyempurnakan pelancaran acara berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Terdahulu, acara dimulakan dengan senamrobik selama 30 minit yang disertai oleh murid-murid, tenaga pengajar sekolah-sekolah, para ibu bapa serta para penjaga murid-murid sekolah berkenaan.

Sejurus itu, acara turut diisikan dengan pelbagai aktiviti Sukan Ria untuk murid-murid Darjah Pra hingga Tahun 1, diikuti dengan beberapa aktiviti bagi ibu bapa serta penjaga murid-murid sekolah berkenaan.

Sukan Ria terbahagi kepada lima pasukan iaitu Pasukan Sekolah PGGMB Sungai Akar; Pasukan Sekolah Tunas Jaya PGGMB Lambak; Pasukan Sekolah Tunas Jaya PGGMB Madang; Pasukan Sekolah Tunas Jaya PGGMB Kuala Belait dan Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) Negara Brunei Darussalam.

Selain Sukan Ria, aktiviti sampingan seperti gerai-gerai jualan dan peraduan juga turut

diadakan bagi memeriahkan lagi acara sukan tahun ini.

Melalui aktiviti seumpama itu adalah diharap agar dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim yang sudah terjalin dalam kalangan para ibu bapa serta

penjaga dengan tenaga pengajar sekolah tersebut, di samping memberi galakan kepada murid-murid, tenaga pengajar dan para ibu bapa untuk sentiasa menjaga kesihatan dan mengamalkan cara hidup yang sihat.



ePaper Pelita Brunei



## BRUNEI TAMBAH PINGAT GANGSA



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Alishahrin Haji Mumin, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

**BERAKAS**, Sabtu, 28 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuar Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) petang tadi berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 (kiri). Sementara gambar kiri sekali, penyampaian hadiah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Bagi Acara Taolu, sebanyak sembilan kategori terdiri daripada Girl's Qiangshu 'B', Girl's Nangun 'A', Girl's Nangun 'B', Boy's Gunshu A, Girl's Gunshu 'A', Boy's Gunshu 'B', Girl's Gunshu 'B', Boy's Taijijian 'C' dan Girl's Taijijian 'C' dipertandingkan.

Terdahulu pada sebelah pagi, turut dipertandingkan sebanyak sembilan

kategori bagi Acara Taolu terdiri daripada Boy's Taijijian 'A', Girl's Taijijian 'A', Boy's Nangun 'A', Boy's Daoshu 'C', Girl's Daoshu 'C', Boy's Jianshu 'C', Girl's Jianshu 'C' dan Boy's Qiangshu 'B'.

Pada kejohanan Girl's Taijijian 'A', peserta negara diwakili oleh Yee Sean Lim berjaya memperoleh pingat gangsa, sementara pingat perak disandang oleh peserta dari Chinese Taipei, Yu Tzu Liu dan emas dimenangi oleh peserta dari Republik Rakyat China, Yilin Zhang.

Penyampaian hadiah tersebut telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salminan bin Haji Burut.

Sementara itu dalam Acara Sanda yang berlangsung di Dewan Serbaguna, KSNHB pagi tadi menyaksikan sebanyak dua

kategori dipertandingkan terdiri daripada Boy's Group Junior 75 kilogram yang dijuarai oleh Turkmenistan dengan memperoleh emas, perak disandang oleh Macau dan gangsa dikongsi bersama oleh Romania dan Australia.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah bagi kategori tersebut ialah Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN, Awang Salminan bersama Executive Board Member IWUF, Mahdi Aline.

Bagi Kategori Boy's Group Junior 80kg pula menyaksikan Egypt memperoleh emas, manakala Republik Islam Iran menduduki perak dan gangsa masing-masing dikongsi bersama oleh Palestin dan Lebanon dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad bersama Vice President IWUF, Sherif Mostafa.

Pada sebelah petangnya pula acara

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuar Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 (kiri). Sementara gambar kiri sekali, penyampaian hadiah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sanda diteruskan dengan menyaksikan kejohanan bagi Kategori Boy's Group Children 42kg, Boy's Group Children 45kg dan Boy's Group Children 56kg.

Memasuki hari keempat Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, Negara Brunei Darussalam setakat ni berjaya menduduki tempat ketujuh dengan berjaya mengutip tiga emas, tiga perak dan dua gangsa.

Sementara Republik Rakyat China mendahului kedudukan teratas dengan kutipan setakat ini 10 emas dan satu gangsa.

Manakala Malaysia berada di tangga kedua dengan jumlah kutipan sembilan emas, 10 perak dan lima gangsa dan Indonesia berada di tempat ketiga dengan jumlah kutipan setakat ini tujuh emas, lapan perak dan enam gangsa.

Sebanyak 50 buah negara menyertai Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 yang berlangsung selama lima hari bermula dari 25 September yang lalu.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir bagi sama-sama menyaksikan baki Kejohanan Wushu yang akan diadakan pada sebelah pagi esok dan turut sama hadir memeriahkan penutupan acara pada sebelah petangnya nanti.

## Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 labuh tirai

**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan** hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutupan Rasmi (kanan). Manakala gambar kanan sekali, majlis diserikan dengan Persembahan Wushu dari Tianjin City.



**BERAKAS**, Ahad, 29 September. - Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9, 2024 yang bermula secara rasminya pada 25 September 2024 menutup tirai dengan jayanya petang tadi dengan Majlis Penutupan Rasmi yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Atur cara majlis dimulakan dengan menyaksikan tayangan video yang menampilkan acara sepanjang kejohanan,

diikuti dengan Persembahan Wushu oleh para pemenang pingat emas pada Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 dan diteruskan dengan ucapan oleh Naib Presiden Persatuan Wushu Brunei Darussalam, Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Rahman yang juga selaku Pengerusi

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Azmah Haji Ahad, Ak. Md Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

Bersama Jawatankuasa Eksekutif Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 dan disusuli ucapan oleh Naib Presiden Persekutuan Wushu Antarabangsa

(International Wushu Federation-IWUF), Anthony Goh.

&gt;&gt; Muka 23

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

LAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB DENGAN CEKAP, BIJAKSANA, BERAKAUNTABILITI, RESPONSIF, BERINTEGRITI DAN JUJUR